**Negeri berkebajikan** MS 3



**Selamat Tahun Baru 2019**

JANUARI 1-15, 2019

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Nur Azlia Syafinaz intai cabaran ke Tokyo 2020

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN -** Nur Azlia Syafinaz Mohd. Zais yang meraih tiga emas dan satu perak bagi acara lumba basikal trek dan lebuh raya tandem di Sukan Para Asia 2018, kini memasang impian serta memburu kejuaraan dalam Sukan Paralimpik Tokyo 2020.

Malah, sekiranya terpilih lagi mewakili negara, beliau mahu mencabar diri untuk mengulangi kejayaaan sama dengan merangkul pingat emas dalam Sukan Para ASEAN 2019 di Manila, Filipina.

Bercakap kepada pemberita, Nur Azlia Syafinaz menzahirkan rasa terharu selepas menerima cek replika RM16,800 di bawah Skim Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS) daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sendiri.

"Apabila saya dapat tahu dipilih mewakili Malaysia ke Sukan Para Asia 2018, saya terkejut juga.

"Lagipun jurulatih kata acara berbasikal perempuan ini bukan sasaran dapat pingat.

"Bersyukur sangat... jadi saya berlatih sebaik mungkin, kerana saya telah dipilih mewakili negara dan paling penting adalah anak jati Pulau Pinang.

"Bulan enam tahun 2017 saya mula dilatih...ini kali pertama saya bermain di peringkat Asia, di luar negara... kerana sebelum ini saya pernah berentap dalam Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur.

"Pertama kali ke Jakarta, memang seronok... selepas ini saya harap dapat merantau ke negara-negara lain lagi, jika diberi peluang mewakili Malaysia," jelasnya selepas selesai Majlis Penyampaian Sumbangan SKIMAS di sini 12 Disember 2018.

Difahamkan, Nur Azlia Syafinaz, 20, merupakan orang kurang upaya (OKU) penglihatan.

Mengulas lanjut, Nur Azlia Syafinaz berharap dirinya terus dipilih untuk menggalas cabaran mewakili negara ke peringkat antarabangsa, pada tahun 2019.

"Lagi dekat kejohanan, latihan lebih 'sakit', enam sesi dalam seminggu, latihan mula 7.30 pagi dan habis dalam 12.30 tengah hari.

"Cabaran seterusnya pada bulan Januari (2019) ini (kejohanan) Berbasikal Trek Asia (ACC) 2019 di Indonesia lagi.

"Jadi, tahun 2019 memang ada banyak kejohanan untuk saya mengutip mata bagi melayakkan diri ke Sukan Paralimpik Tokyo 2020, InsyaAllah," ujar beliau sambil




**NUR Azlia Syafinaz Mohd. Zais (tiga dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama keluarga beliau sejurus Majlis Penyampaian Sumbangan SKIMAS di sini baru-baru ini.**

merakamkan penghargaan kepada jurulatih serta keluarga yang senantiasa memberi dorongan untuk dirinya dalam arena sukan berbasikal tersebut.

Sebelum itu, Kon Yeow dalam sidang media memberitahu bahawa sejumlah RM81,200 di bawah SKIMAS disumbangkan kepada para pemenang pingat bagi dua kejohanan antarabangsa baru-baru ini.

Daripada jumlah sumbangan SKIMAS itu, menurut beliau, RM63,800 sumbangan SKIMAS disumbangkan kepada para pemenang pingat Sukan Asia Ke-18 Jakarta - Palembang 2018, sementara Sukan Para Asia Jakarta 2018 (RM17,400).

Exco Belia & Sukan, Soon Lip Che dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Frederick Tan Teck An Tan turut sertai majlis berkaitan.

Selain Nur Azlia Syafinaz, Muhammad Syahir Mohd. Rosdi serta pemain pasukan sepak takraw lelaki; ratu skuasy negara, Dato' Nicol David; pesilat negara, Mohd. Fauzi Khalid; pemain hoki kebangsaan, Mohammad Azri Hassan dan pemain skuasy negara, Low Wee Wern merupakan antara 10 penerima SKIMAS pada majlis sama.

# Teruskan kerjasama laksana R&D risiko jalan raya




KETUA Menteri, barisan penganjur, wakil-wakil panel, jemputan dan para peserta merakam gambar kenangan sejurus Majlis Perasmian Seminar Kemalangan Perjalanan Untuk Belia 2018 di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU UBAN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memandang serius angka korban akibat kemalangan jalan raya di Pulau Pinang.

Justeru, beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi berharap pihaknya dapat terus saling bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam membuat penyelidikan serta pembangunan (R&D) berkaitan kajian risiko jalan raya.

Setiap tahun di negeri Pulau Pinang sahaja, seramai 400 mangsa terkorban di jalan raya kerana kemalangan berlaku.

"Walaupun Jawatankuasa (Pengurusan Lalulintas) jalan raya yang saya ketuai beberapa tahun lalu telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan setiap tahun (sejumlah) 10 peratus, ini adalah suatu cabaran yang tidak senang dicapai dan angka menunjukkan ia kian bertambah," jelasnya ketika merasmikan Seminar Kemalangan Perjalanan Untuk Belia 2018 dekat Dewan Budaya USM di sini pada 10 Disember 2018.

Turut berucap, Dekan Pusat Pengajian Pengurusan USM, Prof. Dr. Fauziah Md. Taib mewakili Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Asmah Ismail.

Hadir sama, Ketua Perkhidmatan Pekerjaan Ibu Pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO), Roshaimi Mat Rosely; Pengarah PERKESO Pulau Pinang, Othman Mohd. Nordin; Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri, P. N. Munusamy dan Pengarah Program Seminar, Dr. Lilis Surienty Abd. Talib.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu, dalam tempoh 10 tahun sehingga 2015 menyaksikan angka peningkatan angka kemalangan perjalanan sehingga 65.3 peratus.

"Lebih membimbangkan adalah apabila 75 peratus daripada mangsa terlibat adalah mereka yang berumur 15 hingga 44 tahun," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong.

Sebelum itu, Fauziah menyatakan bahawa pihaknya berhasrat untuk terus mendapatkan geran penyelidikan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pelaksanaan R&D lanjutan berwajib.

Pada majlis sama, Kon Yeow turut menyerahkan cek faedah PERKESO kepada 13 penerima.

## Norazmi angkat sumpah sebagai Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri baru



NORAZMI Mohd. Narawi.

**GEORGE TOWN -** Mantan Penasihat Undang-undang Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Norazmi Mohd. Narawi baru-baru ini mengangkat sumpah sebagai Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru.

Lafaz sumpah simpan rahsia disempurnakan di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dengan disaksikan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan Ahli Ex-Officio Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Norazmi melapor diri pada 3 Disember 2018 menggantikan Dato' Anas Ahmad Zakie.

Bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kon Yeow mengalu-alukan kehadiran Norazmi dalam pentadbiran negeri.




Oleh: **ME**

# Sumbangan daftar masuk IPT/politeknik, inisiatif ke arah negeri berkebajikan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & SUNARTI YUSOFF**

**SEJUMLAH** RM2,226,200 disumbangkan Kerajaan Negeri bagi membantu 2,218 pelajar di negeri ini yang layak menyambung pelajaran ke institut pengajian tinggi (IPT) dan politeknik terpilih di seluruh negara bagi kemasukan September 2018.

Peruntukan tersebut adalah sebahagian daripada inisiatif Kerajaan Negeri dalam merealisasikan hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri berkebajikan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri sentiasa memberikan tumpuan terhadap bidang pendidikan dalam usaha melahirkan modal insan yang mampu menyokong proses pembangunan sosioekonomi di negeri ini.

"Kerajaan Negeri sedar akan kepentingan pendidikan bagi melahirkan masyarakat cemerlang dalam pelbagai bidang yang akan menyumbang kepada kesejahteraan dan kelestarian sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup rakyat.

"Tambahan pula, Pulau Pinang tidak mempunyai banyak sumber asli dan amat bergantung kepada tenaga mahir iaitu anak-anak muda di negeri ini yang akan membina ekonomi negeri selain menyokong industri sektor pembuatan serta perkhidmatan awam agar berjalan dengan lancar pada masa akan datang.

"Oleh itu, diharapkan sumbangan ini dapat membantu meringankan beban ibu bapa dan pelajar untuk menampung perbelanjaan yuran pendaftaran masuk ke IPT dan politeknik," ucapnya pada Majlis Penyampaian Cek Bantuan Pendaftaran Pelajar IPT Tahun 2018/2019 Peringkat Seberang Perai Selatan (SPS) dekat Dewan Serbaguna Sungai Jawi pada 15 Disember lalu.

Pada program itu juga, seramai 260 pelajar dari Daerah SPS menerima cek bantuan tersebut.

Dalam majlis berasingan, Kon Yeow menyeru kepada pelajar-pelajar yang berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPT untuk bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti kokurikulum bagi meningkatkan kemahiran serta jati diri.

"Selain menggunakan buku dan teknologi (untuk pembelajaran), para pelajar perlu melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum bagi mempelajari perkara-perkara yang mungkin tidak dapat dipelajari menerusi buku seperti kemahiran berkomunikasi yang dilihat sangat penting pada masa sekarang ini.

"Hal ini kerana berdasarkan kajian, kebanyakan mahasiswa dan mahasiswi di negara kita cemerlang dalam peperiksaan, tetapi lemah daripada segi kemahiran berkomunikasi, berinteraksi dan sebagainya," jelasnya semasa menyampaikan cek bantuan tersebut kepada 564 pelajar dari Daerah Seberai Perai Tengah (SPT) dengan peruntukan berjumlah RM567,800.

Dalam pada itu, bagi Daerah Timur Laut (DTL), menyaksikan seramai 493 pelajar layak menerima sumbangan tersebut yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dekat Dewan Sri Pinang.

Manakala, Daerah Seberang Perai Utara (SPU) mencatatkan penerima tertinggi dengan seramai 599 pelajar layak menerima bantuan tersebut melibatkan sembilan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) iaitu Bagan Dalam (43); Bagan Jermal (48); Bertam (78); Penaga (87); Permatang Berangan (76); Pinang Tunggal (72); Sungai Dua (95); Sungai Puyu (51) dan Teluk Air Tawar (49) dengan peruntukan berjumlah RM600,800.

Kesemua pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPT di Semenanjung Malaysia menerima sumbangan berjumlah RM1,000, manakala Sabah dan Sarawak pula (RM1,200) serta RM300 (peringkat politeknik).

## Apa kata penerima?

Oleh : **YUSNINA YUSOF**

**WALAUPUN** nilai bantuan pendaftaran pelajar masuk ke institusi pengajian tinggi (IPT) mungkin dilihat kecil bagi sesetengah pihak, namun ia adalah amat bermakna buat penerima.

**NOR ADILAH MOHD.**



NOR Adilah Mohd. Nayan.

**NAYAN**, 20, yang sedang menyambung pengajian dalam bidang pengurusan di Universiti Sains Malaysia (USM) semasa ditemui wartawan Buletin Mutiara melafazkan rasa syukur atas pemberian bantuan berkenaan yang menurutnya membantu menampung perbelanjaan semasa di kampus.

"Alhamdulillah, saya rasa sangat bersyukur atas keprihatinan Kerajaan Negeri melalui pemberian bantuan ini yang mana sedikit-sebanyak dapat membantu meringankan beban keluarga untuk menampung pembelajaran saya sekarang," ujarnya.

Penuntut di Universiti Teknologi Mara (UiTM), **NOORUL DIYANA MOHAMAD TAHIR**, 20, pula menyifatkan sumbangan tersebut sebagai insentif yang membantu meringankan beban keluarganya.



NOORUL Diyana Mohamad Tahir.

"Saya difahamkan yuran pengajian sahaja cecah lebih RM700 dan jika dicampur dengan perbelanjaan lain saya memerlukan hampir RM2,000 semasa mendaftar masuk ke universiti.

"Oleh itu, jumlah RM1,000 yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri ini agak membantu, dan mungkin pada masa hadapan boleh dipertimbangkan untuk naikkan sedikit amaun berkenaan," serunya yang berasal dari Bukit Mertajam.

Nada yang sama turut diutarakan



MOHD. Shamirul Akmal Azman.

oleh **MOHD. SHAMIRUL AKMAL AZMAN**, 21, yang bakal menyambung pengajian dalam bidang kejuruteraan.

"Jumlah RM1,000 memang membantu, tambah-tambah lagi apabila masuk tahun pertama kerana banyak persiapan perlu dibuat dan memerlukan lebih perbelanjaan…kalau Kerajaan Negeri boleh naikkan sikit lagi memang terbaik," kata beliau yang nekad untuk aktif dalam kegiatan kokurikulum seperti mana disarankan Ketua Menteri.

Bagi **ANG MING XIAN**,



ANG Ming Xian.

20, penerima dari Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Lancang (Daerah Timur Laut) menzahirkan ucapan penghargaan atas keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menjaga kebajikan masyarakat di negeri ini.

"Terima kasih atas bantuan ini kerana ia sedikit-sebanyak membantu membiayai pembelajaran sepanjang pengajian saya di universiti yang mana sebahagian daripadanya akan disimpan untuk waktu-waktu kecemasan," jelasnya yang kini menyambung pelajaran dalam bidang farmasi di USM.

Seorang lagi penerima, **G.**



G. Bharathipriya.

**BHARATHIPRIYA**, 20, pula berpendapat bahawa Kerajaan Negeri menunjukkan contoh yang baik pada aspek menitikberatkan pendidikan rakyat.

"Kerajaan Negeri membahagikan hasil negeri dalam bantuan-bantuan istimewa seperti ini dan secara tidak langsung telah memberikan contoh sifat kepimpinan masa depan terbaik kerana ia amat membantu penerima seperti saya untuk memenuhi keperluan sebagai pelajar.

"Justeru, saya harapkan Kerajan Negeri dapat meneruskan bantuan ini pada masa hadapan," katanya yang sedang menyambung pelajaran di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam jurusan Industri Sosiologi dan Organisasi.

Dalam pada itu, bapa kepada salah seorang penerima **FAUZI MD. ISA**, 44, mengucapkan rasa syukur atas pemberian yang mampu meringankan beban beliau.

"Bagi keluarga yang berpendapatan rendah, sumbangan ini amatlah bermakna serta dapat membantu menampung perbelanjaan semasa awal semester," ujarnya yang merupakan bapa kepada **MOHAMAD HAZIM IZZUDIN**, 18, yang mengambil jurusan dalam bidang Mikro Biologi di Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) Kuala Pilah.

Manakala penerima dari



NUR Hidayah Abdullah.

Sungai Dua, SPU, **NUR HIDAYAH ABDULLAH**, 19, mencadangkan agar syarat-syarat untuk melayakkan pelajar menerima bantuan berkenaan perlu dilonggarkan.

"Saya rasa sangat gembira dan bersyukur kerana terpilih sebagai penerima bantuan ini, cuma pada pandangan saya, syarat pemilihan perlu dikaji semula lebih-lebih lagi bagi keluarga yang mempunyai ramai bilangan ahli keluarga.

"Ini kerana ada pelajar yang tidak layak menerima sumbangan ini kerana ibu bapa mereka mempunyai pendapatan melebihi had kelayakan, tetapi jika dilihat daripada sudut bilangan ahli keluarga yang ramai, sewajarnya mereka layak menerima bantuan ini," serunya yang berjaya menyambung pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan Perniagaan Antarabangsa di Universiti Utara Malaysia (UUM).

# Pertandingan karom bawa semangat kesaksamaan, tempatkan kita sebagai satu rumpun

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN -** Sebanyak 120 pasukan dari dalam dan luar negeri mengambil bahagian dalam Pertandingan Karom Beregu Terbuka Pulau Pinang Piala Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota anjuran Persatuan Muslim Kadayanallur tahun ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, penganjuran program tersebut bukan sahaja dapat memberi peluang kepada para peserta untuk menzahirkan bakat masing-masing, malah mampu membawa kepada penyatuan nilai silaturahim, semangat kesaksamaan serta meletakkan masyarakat sebagai satu rumpun.

"Walaupun permainan ini dianggap mudah, tetapi sebenarnya ia memerlukan kesabaran yang tinggi di samping kepandaian, strategi, ketepatan, kreativiti serta kemahiran.

"Sama ada kita sedar atau tidak permainan ini juga dapat mewujudkan pelbagai bentuk geometri yang perlu difikirkan oleh setiap pemain bagi mencapai matlamat akhir mereka.



**KETUA Menteri sambil diperhatikan Teh Lai Heng (duduk, kanan sekali) dan Wong Yuee Harng (duduk, dua dari kanan) menunjukkan bakat bermain karom bersempena Pertandingan Karom Beregu Terbuka Pulau Pinang Piala ADUN Padang Kota di sini baru-baru ini.**

"Oleh itu, tidak hairanlah mengapa permainan karom mudah memenangi perhatian masyarakat di negara ini," katanya ketika merasmikan pertandingan berkaitan dekat Dewan Sri Pinang di sini 9 Disember lalu.

Turut sama, ADUN Komtar merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Wong Yuee Harng; Presiden Persatuan Muslim Kadayanallur, Saibullah Abd. Kader; Timbalan Presiden Persatuan Muslim Kadayanallur merangkap Pengerusi Pertandingan, Muhammad Noor; Jawatankuasa Pengelola Pertandingan serta barisan peserta.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa permainan karom suatu ketika dahulu hanya dimainkan untuk memenuhi masa terluang, tetapi kini menjadi antara sukan yang dipertandingkan sehingga ke peringkat antarabangsa.

"Permainan ini menerima sambutan menggalakkan kerana ia tiada had umur selain mempunyai daya tarikan dan peminatnya yang tersendiri.

"Malah, saya juga difahamkan bahawa ada dalam kalangan ahli persatuan karom yang mewakili Negeri Pulau Pinang untuk bertanding di peringkat Kebangsaan.

"Justeru, saya berharap agar pertandingan kali ini berjalan dengan jayanya dan bertandinglah dengan semangat kesukanan yang tinggi," ujar beliau yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Difahamkan, juara pertandingan pada tahun ini membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM4,000 berserta medal dan piala pusingan.

## Apa kata peserta?

**PERTANDINGAN** karom Piala ADUN Padang Kota dilihat mampu menjadi platform untuk menguji kemampuan para peserta terutama bagi yang pertama kali menyertai kejohanan berkaitan.



**MOHD. Khairul Abdullah.**

**MOHD. KHAIRUL ABDULLAH**, 21, dari Pasukan Helang Emas memberitahu bahawa Piala ADUN Padang Kota merupakan kejohanan pertama yang disertainya selepas beberapa tahun bermain permainan tersebut.

"Selepas beberapa tahun saya bermain secara suka-suka, ini merupakan pengalaman pertama saya masuk pertandingan untuk melihat sejauh mana saya mampu pergi dalam permainan karom.

"Terima kasih kepada pihak penganjur yang sanggup menjemput kami menyertai kejohanan ini dan saya berharap dapat dianjurkan setiap tahun," ujarnya kepada Buletin Mutiara.

Nada serupa turut disuarakan **ABD. LAZIT OSMAN**, 40, yang berasal dari Kodiang, Kedah, beliau berpendapat bahawa penganjuran kejohanan karom merupakan platform terbaik untuk mengetengahkan permainan tersebut kepada seluruh



**ABD. Lazit Osman dari Pasukan UUM&ACT.**

masyarakat di negara ini.

"Saya mula berjinak dengan permainan karom sejak tahun 2005 termasuk bertanding di peringkat kebangsaan, tetapi bagi Piala ADUN Padang Kota, ini merupakan penyertaan kali pertama dan saya berharap agar dapat memenangi kejohanan ini,"



**MUHAMMAD Che Embi dari Pasukan Pelitab Tasek Gelugor.**

katanya yang mula menyertai pertandingan karom sejak tahun 2008.

Bagi **MUHAMMAD CHE EMBI**, 54, beliau mula aktif dalam permainan karom sejak 10 tahun lalu dan pernah menyertai



**PASUKAN Pelitab Tasek Gelugor antara yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Karom Piala ADUN Padang Kota yang dianjurkan.**

pertandingan di serata negara termasuk Kuala Lumpur, Johor, Melaka serta beberapa lagi negeri.

"Hari ini saya datang bersama-sama empat lagi anggota Pelitab Tasek Gelugor dengan sasaran untuk menjuari pertandingan ini.

"Pelitab (Tasek Gelugor) mempunyai seramai 30 ahli yang masih aktif dan akan menyertai kejohanan-kejohanan seperti ini setiap kali kita menerima jemputan daripada pihak penganjur.

"Dengan menyertai kejohanan-kejohanan seperti inilah baru kita ada pengalaman untuk dibawa balik dan diajarkan semula kepada ahli-ahli lain yang masih baru," ujarnya penuh semangat.

Peminat tegar dari Kuala Kedah, Kedah, **ROHAIZAD ABDUL RAHIM**, 50, pula berpendapat bahawa permainan karom kini semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di negara ini, namun publisiti berkaitan permainan tersebut masih kurang dilakukan.

"Saya merupakan peminat karom sejak dari kecil dan mula aktif menyertai



**ROHAIZAD Abdul Rahim dari Pasukan CBC.**

pertandingan selepas menyertai *Chengai Bay Club* (CBC) yang beroperasi di Kedah.

"Kami ke sini dengan semangat yang tinggi untuk menang kerana hadiah ditawarkan pihak penganjur cukup tinggi, malah kami merasa sangat berbangga kerana dapat menyertai pertandingan ini dengan penuh semangat kesukanan," jelasnya.

# Penarafan GBS@Mayang inisiatif pemangkin potensi pelaburan Negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PANTAI JEREJAK -** Projek penarafan kompleks lama Mayang Mall menjadi pusat perkhidmatan perniagaan (GBS) yang telahpun siap untuk disewa pemain-pemain industri pelaburan di peringkat dunia adalah bukan untuk bersaing dengan sektor swasta di negeri ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa tujuan agensi kerajaan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) melaksanakan projek penarafan itu adalah supaya Kerajaan Negeri Pakatan Harapan hari ini terus memimpin, mencorak dan memacu lagi sektor pelaburan negeri.

"Sama ada sektor awam (iaitu agensi kerajaan) ataupun sektor swasta, sebenarnya memang memerlukan pusat perkhidmatan perdagangan yang lebih bagus seperti di GBS@Mayang.

"(PDC) sebagai agensi Kerajaan Negeri memang mesti memimpin pasaran pelaburan, ini tujuannya...bukan untuk menyekat peluang mana-mana sektor bukan kerajaan.

"Beberapa firma pelaburan besar yang telahpun membuka pejabat di GBS@ Mayang ini kelak akan mewujudkan lagi ekosistem pelaburan lebih sihat.

"(Justeru), jika persekitaran pelaburan di Pulau Pinang bertambah bagus, pasti akan menarik lebih ramai lagi datang melabur di negeri ini, dengan menjadikan GBS(@ Mayang) sebagai pusat perkhidmatan perdagangan mereka ke serata dunia," jelasnya selepas merasmikan acara pembukaan GBS@Mayang dan MSC Malaysia Cyber Centre di sini 6 Disember 2018.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menyatakan bahawa sejak 45 tahun lalu Pulau Pinang telah berkembang sebagai hab pelaburan terutama dalam industri pembuatan.

Maka menurut Kon Yeow, prasarana GBS@Mayang berkaitan melonjakkan lagi potensi pelaburan negeri terutama sektor pekerjaan berkaitan penyumberan luar teknologi maklumat, penyumberan luar proses perniagaan (BPO), pengurusan pelanggan dan perkhidmatan perundingan, penyelidikan & pembangunan (R&D), reka bentuk & pembangunan (D&D), sektor pembuatan pintar dan internet benda (IoT) yang menjadi kriteria pada era revolusi perindustrian 4.0 kelak.



**KETUA Menteri dan para jemputan serta wakil-wakil berkaitan ketika mengadakan lawatan ke *Swarovski* bersempena Majlis Pembukaan GBS@Mayang dan MSC Malaysia Cyber Centre di sini baru-baru ini.**




**SALAH satu sisi bangunan GBS@Mayang.**

Bercakap pada sidang media sama, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar berkata, PDC menganggap projek penarafan GBS@Mayang itu sebagai inisiatif untuk memangkin lagi potensi pelaburan di Pulau Pinang serta menyediakan kemudahan yang lebih selesa kepada pelabur dan bukan untuk bersaing dengan sektor swasta.

Kelak, ulas beliau, PDC akan melaksanakan projek penarafan ala GBS@ Mayang dengan membabitkan dua lagi bangunan lama di sini, yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020.

Kerajaan Negeri melalui PDC telah melabur sejumlah RM10 juta untuk menyediakan prasarana bangunan empat tingkat GBS@Mayang, dengan luas lantai pejabat adalah 125,647.13 kaki persegi.

Pada aras 1 dan 2 kompleks itu, PDC menawarkan kadar sewa lantai serendah bulanan RM4.50 sekaki persegi, sementara RM4.20 sekaki persegi untuk sewa lantai di aras 3 dan 4.

GBS@Mayang turut menyediakan kemudahan parkir mudah, termasuk di bawah tanah sejumlah 394 petak untuk pekerja dan pengunjung.

Firma reka bentuk berlian terkenal dunia *Swarovski*, pemain industri pembuatan Jabil, firma aksesori kereta Tesla Malaysia antara pelabur utama yang telah membuka sayap operasi perkhidmatan perniagaan antarabangsa di GBS@Mayang.

## Pulau Pinang hasrat wujudkan pusat sehenti pasar produk usahawan tani

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Negeri kini dalam proses perbincangan bagi mewujudkan sebuah pusat sehenti bagi memasarkan hasil serta produk usahawan tani di negeri ini.

Perkara itu dimaklumkan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada sidang media selepas merasmikan Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) Ke Pasar Raya anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dekat perkarangan Pasaraya Mydin di sini 7 Disember lalu.

Menurut Afif, dengan adanya pusat pemasaran yang strategik, ia membolehkan hasil serta produk usahawan tani dapat dibekalkan bukan hanya kepada pasaran tempatan, tetapi juga pasaran luar memandangkan Pulau Pinang mempunyai kelebihan sebagai negeri pelancongan.

"Saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada FAMA Negeri dan Persekutuan atas usaha promosi jualan terus dari ladang yang menghimpunkan usahawan-usahawan tani dari tujuh negeri yang datang ke sini untuk mempromosi serta menjual produk mereka.

"Kita (Kerajaan Negeri) sememangnya mengalu-alukan sebarang inisiatif untuk meningkatkan lagi produktiviti dan keberhasilan dari ladang-ladang yang sedia ada di negeri ini," ujarnya pada majlis berkaitan.

Pada program itu juga, Afif turut menyampaikan insentif Program Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak Ke Pasar Tani (KUKUH) kepada tiga pemasar iaitu Mohd. Faizal Abdul Latif, Rosidah Mansor dan Mejar (B) Muhamad Zahiri Zainuddin yang melayakkan mereka masing-masing menerima wang tunai berjumlah RM2,500.



**DR. Afif Bahardin (kanan sekali) bersama-sama wakil penganjur dan para jemputan menunjukkan sebahagian produk usahawan tani bersempena Program JTDL Ke Pasar Raya anjuran FAMA di sini baru-baru ini.**

Program JTDL yang berlangsung selama tiga hari mulai 7 hingga 9 Disember 2018 berkaitan mempromosi pelbagai hasil pertanian tempatan seperti nanas, jagung, durian, rambutan, manggis, ubi-ubian, sayur-sayuran dan banyak lagi.

Dalam pada itu, Pengerusi FAMA, Ishak Ismail menyatakan bahawa Program JTDL merupakan satu usaha untuk membawa hasil segar dari ladang kepada pengguna yang dilihat mampu memberikan kelebihan kepada kedua-dua pihak iaitu masyarakat dan pengusaha.

Malah, menurutnya, program tersebut turut memberi kelebihan dari segi pertambahan pendapatan pengusaha antara 30 hingga 50 peratus, dan pada masa sama pengguna memperoleh harga lebih murah berbanding di pasar awam.

"Kita (FAMA) adakan program ini sebanyak 342 kali di seluruh negara pada tahun ini berbanding 244 kali (2017) yang mana jumlah penyertaan juga turut meningkat daripada 483 peserta (2017) kepada 557 peserta (2018).

"Dari segi nilai jualan juga turut mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak RM1.75 juta (rekod nilai jualan) berjaya dicatatkan sehingga Oktober 2018 berbanding RM1.72 juta (sehingga Disember) 2017," jelasnya sambil menzahirkan harapan agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat menyediakan tapak-tapak baru bagi menggalakkan lagi program berkaitan.

# IMC berpotensi jadi hab perubatan bertaraf antarabangsa terbesar negara

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN** - *Island Medical City* (IMC) yang terletak di Lebuh Raya Peel dekat sini berpotensi menjadi hab perubatan bertaraf antarabangsa di Malaysia dengan dilengkapi teknologi dan peranti perubatan canggih.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pembangunan IMC bukan sahaja kelak menawarkan kemudahan penjagaan tertiari swasta terbesar dan canggih di Pulau Pinang, malah juga menjadikan negeri ini sebagai destinasi pelancongan perubatan unggul dalam negara.



**ILUSTRASI bangunan IMC yang bakal dimajukan.**

"Pembangunan IMC merangkumi perluasan kemudahan perubatan semasa iaitu daripada 300 katil kini kepada 600 katil menjadikan *Island Hospital*, hospital swasta pertama yang menyediakan kemudahan dengan jumlah katil berkaitan.

"Selain itu, ia turut dilengkapi dengan *suite* perubatan serta hotel pelancongan perubatan sebagai sebahagian daripada kemudahannya.

"(Dan) sebagai salah satu hab pelancongan perubatan terbesar di Asia Tenggara, projek ini akan menyediakan lebih 2,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang kelak," ucapnya pada Majlis Pecah Tanah IMC dekat tapak seluas 2.6 hektar di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Ketua Pegawai Eksekutif *Island Hospital*, Mark Wee.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus serta ahli-ahli lembaga pengarah *Island Hospital*.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut menzahirkan keyakinan bahawa dengan adanya pembangunan fasiliti baharu ini, doktor-doktor perubatan profesional muda pastinya teruja dengan peluang yang bakal ditawarkan di IMC.

"Bukan itu sahaja, malah pakar perubatan yang mengamalkan profesion kedoktoran di luar negera juga kini mempunyai alasan untuk kembali ke tanah air dan berkhidmat di Pulau Pinang.

"Ini adalah peluang terbaik untuk menarik semula pakar-pakar perubatan kita yang berkhidmat di luar negara," katanya.




**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil IMC menyempurnakan Majlis Pecah Tanah IMC di sini baru-baru ini.**

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menyatakan bahawa nilai pembangunan kasar bagi membangunkan IMC adalah mencecah hampir RM2 bilion, dan dijangka akan mengambil masa selama lima tahun untuk disiapkan.

"Fasa pertama projek ini dijangka siap pada awal tahun 2021 dengan nilai ekonomi keseluruhan projek dijangka melebihi RM7 bilion yang akan memanfaatkan bukan sahaja sektor perubatan, tetapi juga lain-lain sektor berkaitan.

"Malah, ia akan mewujudkan pertumbuhan sosioekonomi yang mampan untuk Pulau Pinang selaras dengan visi *Penang2030*," jelasnya.

Dalam pada itu, dalam sidang media sejurus majlis berkaitan, ketika ditanya mengenai bangunan yang dikategorikan sebagai bangunan warisan (kategori II) di tapak pembangunan IMC, Kon Yeow memberitahu bangunan tersebut dirobohkan dengan kelulusan daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Difahamkan, apabila siap kelak, bangunan hospital sedia ada akan dijadikan hospital pakar untuk kanak-kanak dan wanita.

Sebagai rekod, tahun 2017, Frost & Sullivan mengiktiraf *Island Hospital* sebagai Hospital Pelancongan Perubatan Terkemuka di Malaysia.

# Tanah Wakaf Masjid Abdul Cauder, MAINPP bakal teruskan pembangunan dirancang ikut keputusan mahkamah

**GEORGE TOWN** - Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) akan meneruskan pembangunan dirancang di atas tanah wakaf Masjid Abdul Cauder dekat Lot 208, Seksyen 2, Jalan Mengkuang, Seberang Perai Utara (SPU) berdasarkan keputusan mahkamah yang diperoleh pada 28 Februari 2014.

Yang di-Pertua MAINPP, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, sebelum ini pihaknya masih meneruskan tawaran pampasan kepada 14 penghuni yang enggan berpindah keluar atas faktor perikemanusiaan meskipun pihak berkaitan cuba mendapatkan milikan kosong atas tanah tersebut sejak 2010.

"MAINPP perlu melihat senario ini dengan lebih meluas apabila ia melibatkan 32 penghuni lain yang telahpun bersetuju (untuk berpindah keluar).

"(Dan) MAINPP juga tidak mahu tertarik ke dalam isu ini bukan sahaja demi nasib 32 penghuni yang bersetuju pindah, tetapi juga umat Islam keseluruhannya atau mereka yang berpotensi untuk menghuni di kawasan yang bakal dibangunkan itu," ujarnya sebagai respons terhadap kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Penduduk Tanah Wakaf Masjid Abdul Cauder bertarikh 12 Disember 2018.



**ABDUL Malik Abul Kassim.**

Kenyataan pengerusi berkaitan yang disiarkan sebuah media perdana menyatakan bahawa 14 penduduk yang berbaki enggan menerima tawaran selagi MAINPP masih belum mengemukakan pelan pembangunan tanah wakaf kepada penduduk terlibat.

Tambahnya, sebagai dipetik menyatakan bahawa permohonan pelan tersebut telah dimohon sejak lapan tahun lalu, namun tiada maklum balas diterima.

Dalam pada itu, Abdul Malik sebagai respons menyifatkan kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Penduduk itu sebagai satu alasan untuk tidak mahu berpindah.

"Sungguh tidak munasabah kerana MAINPP sebelum 2010 lagi telahpun memulakan usaha melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) untuk membangunkan kawasan tersebut, malah kita (MAINPP) juga mempunyai lakaran lengkap perspektif pembangunan kawasan tersebut.

"Sebab itu saya katakan bahawa pendirian serta kenyataan pengerusi tersebut adalah satu 'helah' sahaja untuk tidak berpindah sungguhpun MAINPP telah menawarkan rumah ganti rumah kepada penghuni bersetuju," tegasnya.

Terdahulu, pada 6 Disember lalu, Abdul Malik dalam sidang media memberitahu bahawa MAINPP masih meneruskan tawaran pampasan kepada 14 penghuni yang enggan berpindah keluar meskipun surat tawaran tersebut berakhir pada 30 November 2018.

"MAINPP perlu melihat kepada pelaksanaan milikan kosong yang telah ditangguhkan sebanyak tiga kali sejak penghakiman diperoleh pada 28 Februari 2014.

"Setakat hari ini, mengambil kira kos guaman dikeluarkan bagi mendapatkan milikan kosong tapak tersebut dan bayaran elaun bulanan penghuni lain yang bersetuju telah mencecah RM2.6 juta.

"Jadi, sekiranya baki 14 penghuni ini bersetuju untuk menerima tawaran MAINPP, datanglah ke pejabat dan tandatangan surat persetujuan.

"Lagipun, saya berharap projek pembangunan di Tanah Wakaf Masjid Abdul Cauder ini dapat dilaksanakan segera supaya penghuni yang bersetuju pindah sebelum ini dapat 'kembali semula' ke kampung tersebut," jelasnya.

Sebagai rekod, pada tahun 2010, pihak JAWHAR memperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi pembangunan di atas lot tersebut untuk membina rumah pangsa kos sederhana rendah 22 tingkat dengan jumlah unit mencecah 470 unit.

Namun, setelah tempoh penerimaan tawaran berakhir pada 15 September 2010, hanya 32 daripada 46 penghuni bersetuju, manakala baki 14 lagi enggan menerima tawaran sehingga ke hari ini meskipun dalam tempoh tersebut beberapa siri pertemuan telah diadakan.

Berikut adalah tawaran diberikan MAINPP kepada pemilik tanah di tanah lot tersebut yang telah bersetuju, dan tawaran sama turut dikemukakan kepada baki penghuni yang masih enggan berpindah keluar :

- rumah ganti rumah dengan keluasan 1,000 kaki persegi setiap unit,
- bayaran sewa rumah sementara sebanyak RM500 sebulan sehingga rumah pangsa siap,
- bayaran elaun keluar rumah RM4,000 dan bayaran elaun masuk rumah RM3,500 dan
- bagi keluarga berkelamin, hanya bayaran elaun keluar rumah RM4,000 ditawarkan.

# Penuhi keperluan RMM, Kerajaan Negeri dan pemaju disaran bekerja lebih keras

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Inisiatif menyediakan perumahan mampu milik (RMM) bukan sahaja perlu diteruskan, malah Kerajaan Negeri serta pihak pemaju disaran untuk lebih komited memenuhi permintaan dan keperluan ia khususnya di bahagian pulau negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sehingga Oktober 2018, masih terdapat 30,726 pemohon dalam senarai menunggu Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk ditawarkan RMM bagi Kategori A dan B.

"Itu, tidak termasuk 12,326 pemohon perumahan bagi kategori lain iaitu majoriti daripada senarai berkaitan adalah membabitkan bahagian pulau.

"Ini bermakna, Kerajaan Negeri dan pemaju perlu bekerja lebih keras bagi memenuhi permintaan dan keperluan RMM membabitkan lokasi berkaitan," ujarnya pada Majlis Pengundian RMM Desa Kayu Manis dan Rumah Pangsa Harmoni dekat Galeri Jualan Hartanah Sunway @Anson di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain, Daniel Lim Hin Soon (Pengarah Eksekutif Hartanah Sunway) dan Ahila Ganesan (Pengurus Besar Bahagian Hartanah Sunway).



KETUA Menteri bersama-sama Abdul Halim Hussain, pihak pengurusan tertinggi Sunway dan para pembeli menunjukkan tanda bagus pada Majlis Pengundian RMM Desa Kayu Manis dan Rumah Pangsa Harmoni di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN pembeli yang hadir.

200 unit RMM Desa Kayu Manis di Batu Maung dan Rumah Pangsa Harmoni, Bukit Mertajam merupakan projek yang dibangunkan pemaju, *Sunway Property* (Sunway) menggunakan konsep bina dan jual.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam ucapannya turut memuji pendekatan digunakan pihak Sunway tersebut.

Menurutnya, langkah tersebut dapat mengurangkan beban pembeli ekoran (pembeli) tidak perlu menanggung faedah dalam jangka panjang sebelum projek berjaya disiapkan.

"Dengan menggunakan konsep bina dan jual ini, rumah ini hanya dijual setelah ia siap dibina, sememangnya ia memudahkan pembeli untuk terus menduduki rumah tanpa perlu menanggung faedah tinggi sebelum rumah disiapkan," jelas beliau.

Pada majlis berasingan yang berlangsung pada 8 Disember lalu, Kon Yeow turut merasmikan projek *Tri Pinnacle* dekat Tanjung Tokong dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM520.9 juta.

*Tri Pinnacle* adalah terdiri daripada tiga blok iaitu kos sederhana rendah (KSR) dengan harga jualan bermula RM72,500; dua unit blok dengan harga jualan dari RM348,000 berserta kemudahan dua petak parkir.

Difahamkan, blok A mempunyai 458 unit, manakala blok B dan C merangkumi 859 unit.

## Projek RMM diharap bantu pertambahan pelajar KADUN Pengkalan Kota

**PENGKALAN KOTA** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap projek perumahan mampu milik (RMM) yang bakal dibangunkan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pengkalan Kota akan membantu pertambahan bilangan pelajar di beberapa sekolah di sini.

"Pengkalan Kota terletak di kawasan pusat bandar yang padat dengan penduduk, tetapi juga mengalami pengaliran keluar penduduk hingga membawa kepada kekurangan bilangan pelajar di beberapa buah sekolah dekat sini.

"Justeru, diharap beberapa projek perumahan yang akan dibangunkan dapat membawa masuk penduduk baharu sekaligus menampung pertambahan murid-murid baharu di sekolah-sekolah ini," ujarnya pada Majlis Program Bantuan Persekolahan KADUN Pengkalan Kota dekat Dewan Komuniti Sri Saujana, Jalan Macallum di sini 9 Disember lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Daniel Gooi Zi Sen dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Wong Yuee Harng.

Seramai 287 pelajar di kawasan Pengkalan Kota terpilih untuk menerima baucar persekolahan bernilai RM50.

Pusat Khidmat KADUN Pengkalan Kota memperuntukkan sejumlah RM14,350 bagi tujuan tersebut demi meringankan beban ibu bapa menjelang sesi persekolahan tahun 2019 yang akan dibuka tidak berapa lama lagi.

Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong dan ADUN Padang Kota berkata, sebagai sebuah kerajaan yang telah dipilih rakyat, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk menyediakan prasarana demi keperluan rakyat.

Menurutnya, pendekatan berkaitan sememangnya menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk menyediakan suatu suasana yang baik kepada rakyat meskipun kemampuan sumber kewangan (Kerajaan Negeri) yang terhad.

"Kita akan cuba pastikan rakyat menikmati kehidupan yang baik serta menikmati peluang pekerjaan dengan pendapatan tinggi, kemudahan prasarana lengkap, utiliti dan lalu lintas.

"Sememangnya pelan tindakan baik telah dirancang untuk negeri Pulau Pinang yang akan dilaksanakan selepas ini.

"Jadi, saya menyeru rakyat untuk sentiasa memainkan peranan masing-masing dan bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan Pulau Pinang terus maju serta menjadi teladan kepada negeri-negeri lain," seru beliau.



KETUA Menteri sambil diiringi Daniel Gooi Zi Sen (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Program Bantuan Persekolahan KADUN Pengkalan Kota di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Zi Sen dalam ucapannya memaklumkan bahawa sebanyak dua projek RMM akan dibangunkan di kawasan tersebut iaitu dekat Jalan Pintasan Cecil dan Lebuh Sandilands.

"Di Jalan Pintasan Cecil adalah melibatkan 348 unit rumah kos sederhana rendah (KSR), manakala Lebuh Sandilands (321 unit KSR dan 482 unit RMM)," jelasnya.

# *Keysight Technologies* terus tawar penyelesaian terbaik cepatkan inovasi



KETUA Menteri mendengar penerangan daripada Gooi Soon Chai (tiga dari kanan) mengenai salah satu teknologi yang digunakan di dalam produk berkaitan bersempena lawatan khas di sini baru-baru ini.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BAYAN LEPAS –** Syarikat pembekal teknologi terkemuka, *Keysight Technologies* terus menawarkan penyelesaian terbaik bagi membantu pelanggan-pelanggannya dalam mempercepatkan inovasi.

Berpandukan kepada empat teras utama Model Kepimpinan Keysight iaitu *'Capital Allocation'*, *'Operational Discipline'*, *'Financial Management'* dan *'Profitable Growth'*, syarikat tersebut berusaha memberikan pulangan hasil terbaik kepada setiap pelanggan, pemegang saham dan pekerjanya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 6 Disember lalu berkesempatan melawat ke kilang *Keysight Technologies* dekat Bayan Lepas untuk melihat serta mengetahui dengan lebih lanjut mengenai operasi dan perjalanan syarikat.

Turut serta, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain.

Dalam lawatan selama sejam itu, Naib Presiden Kanan Keysight Technologies merangkap Presiden Electronic Industrial Solutions Group, Datuk Gooi Soon Chai memberikan taklimat menyeluruh berkaitan operasi syarikat berkenaan.

Dalam pada itu, Kon Yeow, Abdul Halim serta Naib Presiden merangkap Pengurus Besar Keysight Technologies, Datuk Noorashidah Ahmad dan beberapa pimpinan utama industri syarikat berkenaan turut melawat beberapa bilik pameran produk, bilik IoT *(Internet of Things)*, kafeteria dan bilik pameran automotif.




SEBAHAGIAN produk yang dipamerkan.

*Keysight Technologies* adalah peneraju *Penang Science Cafe* selain turut menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam membangunkan Perpustakaan Digital Pulau Pinang.

## Pelajar terpilih KADUN Padang Lalang terima baucar pakaian sekolah

**PEDULI RAKYAT...** Seramai 97 murid daripada keluarga berpendapatan rendah menerima baucar bantuan pakaian sekolah untuk sesi persekolahan 2019 sumbangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

ADUNnya, Chong Eng yang juga Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam berkata, bantuan baucar bernilai RM150 itu diharap dapat meringankan beban keluarga untuk penggal persekolahan yang akan bermula tidak lama lagi.

"Sungguhpun bantuan ini dilihat kecil, namun untuk keluarga yang berpendapatan rendah, saya percaya ia amatlah membantu terutamanya dalam meringankan beban bagi mendapatkan sepersalinan pakaian seragam setiap kali penggal persekolahan bermula, tambahan pula sekiranya keluarga tersebut mempunyai bilangan anak ramai yang masih bersekolah.

"Program ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri ambil berat dan peduli tentang rakyat terutamanya melibatkan hal-hal pendidikan," ujarnya pada majlis penyampaian sumbangan berkaitan baru-baru ini.

## Rombongan Kerajaan Negeri lawat kilang Vitrox

**BUKIT TENGAH -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melawat kilang elektronik Vitrox Corporation Berhad (Vitrox) dekat Taman Perindustrian Batu Kawan di sini pada 4 Disember lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye turut sertai rombongan berkenaan.

Pengarah Urusan Vitrox, Chu Jenn Wen dan rakan perkongsian beliau, Steven Siaw Kok Tong yang memberi taklimat khas kepada delegasi berkaitan mengenai sejarah penubuhan industri tahun 2000, serta wawasan pembangunan modal kilang tersebut pada masa hadapan.

Difahamkan, syarikat swasta yang berpangkalan di negeri ini disenaraikan dalam pasaran MESDAQ (ACE) pada tahun 2005, dan pada 2009 berpindah ke papan utama Bursa Saham Malaysia sebagai sektor teknologi.

Kini, menurut Jenn Wen, Vitrox mempunyai 581 kakitangan, dengan jumlah pasaran kira-kira RM3.5 bilion.

*Machine Vision System* (MVS), *Automated Board Inspection* (ABI), *Electronic Communication System* (ECA) merupakan antara produk teras yang dihasilkan di kilang Vitrox.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow merakamkan penghargaan atas program tanggungjawab sosial korporat (CSR) menyalurkan tenaga sukarelawan dan barang-barang bantuan kepada mangsa banjir pada awal bulan November 2017 serta bantuan kemanusiaan kepada anak-anak pelarian Syria.

# Naik taraf kompleks makanan angkat martabat penjaja, tingkat kualiti hidup penduduk

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**SEBERANG JAYA -** Projek penarafan Kompleks Makanan Lebuh Tenggiri dengan kos belanja RM506,000, dijangka siap sepenuhnya pada Jun tahun depan.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa tujuan Kerajaan Negeri melaksanakan pelbagai projek penarafan infrastruktur kompleks makanan adalah untuk memartabatkan lagi golongan penjaja serta meningkatkan kualiti hidup rakyat di Pulau Pinang.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong mahu negeri ini terus menjadi destinasi terbaik untuk golongan penjaja makanan mencari rezeki, selain untuk rakyat terbanyak menikmati makanan lazat.

"Program ini dilaksanakan adalah untuk menaik taraf kawasan fizikal peniaga kecil kepada satu tahap yang lebih bersih dan menarik... memberi impak positif ke atas masyarakat," jelasnya ketika merasmikan Gerai Sementara Projek Naik Taraf Kompleks Makanan Lebuh Tenggiri di sini 15 Disember 2018.

Turut berucap, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.




**KETUA Menteri bersama-sama Dr. Afif Bahardin (dua dari kanan), Sr. Rozali Mohamud (dua dari kiri) dan wakil-wakil berkaitan ketika merasmikan Gerai Sementara Projek Naik Taraf Kompleks Makanan Lebuh Tenggiri di sini baru-baru ini.**

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Kon Yeow menyatakan bahawa inisiatif mewujudkan Kompleks Makanan Lebuh Tenggiri di atas kawasan pejalan kaki di sini adalah rancangan pembangunan Kerajaan Negeri terdahulu sebelum tahun 2008.

Tambahnya, projek penarafan yang dilaksanakan di kompleks sedia ada tersebut adalah 'pendekatan sementara' berdasarkan respons penduduk setempat, sebagaimana dipanjangkan oleh ADUN Seberang Jaya sebelum ini.

Selain itu, kata Kon Yeow, beliau akan meminta Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk saling mencari jalan penyelesaian dengan 'pendekatan sementara' juga dalam isu sebenar yang didepani penjaja-penjaja tanpa lesen terutama di Seberang Perai.

## Sumbangan penyaman udara simbol penghargaan kepada polis

**JAWI -** Pemasangan 12 unit penyaman udara di Dewan Besar Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Selatan (SPS) adalah hasil sumbangan beberapa syarikat serta orang perseorangan, demi meningkatkan lagi infrastruktur asas di sini.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye berkata, pihaknya menganggap sumbangan itu adalah simbol penghargaan rakyat kepada pihak polis yang selama ini komited memelihara keselamatan serta ketenteraman awam di Pulau Pinang.

"Sebenarnya, Kerajaan Pakatan Harapan adalah Kerajaan berjiwa rakyat yang senantiasa prihatin dan amat menitikberatkan soal-soal kebajikan serta keselesaan untuk para pegawai dan anggota polis.

"Maka, saya bersama-sama rakan di hadapan saya ini pun berusaha mendapatkan sumbangan luar seperti daripada syarikat-syarikat yang bermurah hati dan juga orang-perseorangan agar dewan ini dapat dilengkapkan dengan penyaman udara," katanya pada majlis sumbangan baru-baru ini.

Terdahulu, pihak IDP Jawi memanjangkan hasrat untuk mendapatkan penyaman udara kepada Mooi Lye.



**JASON H'ng Mooi Lye (dua dari kiri) pada majlis perasmian pemasangan penyaman udara baru dekat IPD SPS di sini baru-baru ini.**

## MPSP, ThinkCity anjur pertandingan reka bentuk ruang 'mati' jejambat BORR

**BAGAN DALAM –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) buat julung kalinya menganjurkan pertandingan mereka bentuk semula ruang 'mati' di bawah jejambat Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) yang terletak kira-kira 250 meter dari Penang Sentral di sini.

Satu taklimat kepada para peserta berminat diadakan pada 7 Disember tahun lalu di tapak berkenaan bagi memberikan kefahaman yang lebih jelas mengenai pertandingan dan kawasan terlibat.

Presiden Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), Prof. LAr. Dr. Suhardi Maulan berkata, pertandingan tersebut memerlukan para peserta mengemukakan penyelesaian yang bersifat holistik berpandukan saiz ruangan tapak di bawah jejambat.



**AHLI jawatankuasa penganjur bergambar kenangan bersama-sama para peserta pada sesi taklimat pertandingan mereka bentuk semula ruang 'mati' di bawah jejambat BORR di sini baru-baru ini.**

Tambahnya, reka bentuk landskap yang dihasilkan para peserta akan menjadi pemangkin kepada perkembangan seterusnya di Butterworth pada masa akan datang.

"Melalui kerjasama dengan ThinkCity membolehkan kami melibatkan diri dalam kegiatan komuniti yang merupakan platform terbaik untuk ILAM menawarkan penyelesaian bagi menjadikan visi sukar kepada suatu realiti.

"Adalah menjadi impian kami (ILAM) untuk melihat 'ruang mati' di bawah jejambat BORR berubah menjadi kawasan yang dipenuhi tumbuh-tumbuhan hijau, berbiodiversiti serta berdaya huni," katanya pada sidang media berkaitan.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MPSP, K. Kumaran; Ketua Unit Butterworth Baharu, Normaira Abdul Rahman; Penolong Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Wilayah Utara, Wan Suhana Wan Nahar dan para peserta.

Dalam pada itu, menurut Pengarah Program Think City Urban, Dr. Matt Benson, pihaknya percaya bahawa pertandingan berkenaan mampu menjelmakan satu cadangan terbaik untuk penggunaan ruangan tersebut secara optimum.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa komponen utama yang perlu diketahui semua peserta pertandingan adalah cadangan dikemukakan harus berinovasi serta mampu menghubungkan masyarakat sekitar dan boleh disesuaikan untuk digunakan di seluruh negara.

"Sejak sekian lama kami (ThinkCity) memikirkan cara untuk menjadikan ruang mati tersebut sebagai aset komuniti dan membina ketersambungan yang selamat di kawasan sekitar.

"Kami sangat teruja menjadi sebahagian daripada pertandingan reka bentuk yang difikirkan mampu menarik beberapa arkitek dan pereka paling kreatif untuk mengubah kawasan terbiar ini menjadi satu aset komuniti," jelasnya.

Difahamkan, terdapat tiga 'pulau' berkeluasan 4,338 meter persegi di bawah jejambat BORR yang merupakan lokasi pertandingan.

Pemenang tempat pertama bakal menerima hadiah wang tunai berjumlah RM10,000, dan pertandingan tersebut terbuka kepada semua rakyat Malaysia sama ada individu mahupun berkumpulan (bukan warganegara boleh menyertai pertandingan sebagai ahli kumpulan dengan rakyat Malaysia yang lain).

Pertandingan bermula 5 November lalu dan penyertaan akan ditutup pada 25 Januari 2019. Bagi keterangan lanjut, layari laman sesawang *www.ilamalaysia.org/borrcompetition*.

Ayuh! Jangan lepaskan peluang ini.

# Festival Perahu Naga Antarabangsa bakal diadakan dua kali setahun

Gambar : **JOANNE FOONG CHEE YIN**

**TELUK BAHANG -** Festival Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang yang menjadi sebahagian warisan budaya negeri sejak 39 tahun lalu bakal diadakan dua kali setahun mulai 2019.

Perkara itu diumumkan Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin pada Majlis Perasmian Festival Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang 2018 dekat Empangan Teluk Bahang di sini 8 Disember tahun lalu.

Menurut Soon Hin, dengan penganjuran dua kali setahun mulai 2019, ia bukan sahaja mengangkat sukan perahu naga ke suatu tahap yang lebih baik, malah juga dapat mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan unggul.

“Sukan perahu naga sudah sebati dengan budaya dan tradisi Pulau Pinang, justeru saya berharap festival ini dapat dinaik taraf dan terus terpelihara untuk generasi akan datang.

“Malah, saya juga percaya bahawa melalui sukan perahu naga, banyak perkara-perkara positif yang kita boleh pelajari, antaranya semangat berpasukan, persaingan dan persahabatan,” ucapnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim.

Dalam pada itu, Muhammad Bakhtiar ketika ditemui menyatakan bahawa sukan perahu naga mempunyai masa depan yang cerah dalam sektor sukan dan pelancongan di Pulau Pinang.

Sebagai rekod, penganjuran kali ini membabitkan 65 pasukan dari dalam dan luar negara dengan jumlah lebih daripada 1,000 peserta.

Antara negara yang mengambil bahagian selain Malaysia termasuk China, Kanada, Britain, Belanda, Korea Selatan, Macau, Australia dan Jepun.




**SALAH satu pasukan yang mengambil bahagian.**



**AKSI pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.**




**YEOH Soon Hin (dua dari kiri), Muhammad Bakhtiar Wan Chik (dua dari kanan) dan Zolkifly Md. Lazim (kanan sekali) ketika menyempurnakan gimik pelancaran Festival Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang 2018 di sini baru-baru ini.**

## Kerajaan Negeri teruskan pemberian rebat bagi bangunan capai status GBI

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PANTAI JEREJAK –** Kerajaan Negeri sentiasa memberi galakan kepada pihak pemaju di negeri ini untuk menyediakan rekaan bercirikan bangunan hijau sebagai langkah proaktif pada masa hadapan.

Lanjutan itu, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah memperkenalkan insentif kepada bangunan yang disahkan di bawah Indeks Bangunan Hijau (GBI).

Ulasnya, inisiatif bangunan hijau tersebut bukan sahaja dapat menjimatkan tenaga, malah juga mengurangkan pelepasan karbon terhadap alam sekitar, dan dalam tempoh jangka panjang turut memberikan manfaat kepada penduduk.

“Untuk menggalakkan lebih banyak bangunan hijau seperti ini, kami (Kerajaan Negeri) akan meneruskan pemberian rebat 2/3 ke atas caj pembangunan bangunan yang mencapai status GBI emas atau platinum.

“Tambahan pula, untuk bangunan sedia ada yang sudi diubah suai demi menjadi hijau bagi mencapai status GBI tersebut, MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) akan memberikan rebat 100 peratus cukai pintu selama tiga tahun mulai 1 Januari 2022.

“Manakala, bangunan baharu yang telah mencapai status GBI, MBPP akan memberikan rebat 10 peratus terhadap cukai pintu,” ujar beliau pada sidang media selepas merasmikan Seminar Bangunan Hijau dan Pensijilan GBI di sini 3 Disember tahun lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato’ Ar. Yew Tung Seang, Ir Addnan Mohd. Razali (Setiausaha Bandaraya) dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Mengulas lanjut mengenai pemberian rebat berkenaan, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat menyatakan bahawa Kerajaan Negeri juga akan menanggung yuran pembaharuan bagi projek-projek yang berjaya memperbaharui sijil GBI mereka.

“Tetapi, ia adalah berdasarkan terma serta syarat yang telah ditetapkan,” jelasnya sambil berikrar bahawa Pulau Pinang akan terus memberikan keutamaan untuk menjadi sebuah negeri pintar, lebih bersih, hijau, selamat dan sihat.



**JAGDEEP Singh Deo ketika menyampaikan ucapan pada penganjuran Seminar Bangunan Hijau dan Pensijilan GBI di sini baru-baru ini.**

# Anjur bengkel, pelajar diberi pendedahan kemahiran robotik

**BAGAN DALAM** – Teknologi robotik semakin diminati dan menjadi keperluan apabila seramai 25 pelajar sekolah rendah di kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bagan Dalam diberi peluang mengikuti Bengkel Robotik baru-baru ini.

Bengkel yang berlangsung selama lapan hari tersebut memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai kemahiran berkaitan robotik di bawah bimbingan tenaga pengajar berpengalaman.



**SEBAHAGIAN pelajar yang mengambil bahagian.**

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees berkata, bengkel tersebut dianjurkan sebagai usaha pihaknya menyediakan pelajar dengan ilmu pengekodan dan robotik sejajar dengan era *Artificial Intelligence* (AI) kini.

"Ini adalah salah satu manifesto yang telah saya janjikan, yang mana dalam janji tersebut, saya bersetuju untuk menaja 50 pelajar sekolah rendah setiap tahun untuk mengikuti bengkel robotik.

"Memandangkan ia memerlukan kos yang agak tinggi untuk melaksanakannya, maka tahun 2019 kita akan memberikan keutamaan kepada mereka yang belum berpeluang mengikuti kelas tahun ini (2018)," ujarnya sambil melahirkan harapan agar penganjuran tahun hadapan mendapat sambutan sama rata di antara semua kaum dan juga pelajar perempuan.

Menurut Satees, terdapat permintaan daripada pelajar peringkat menengah dan juga luar kawasan Butterworth yang berminat dengan bengkel berkenaan.



**M. Satees (dua dari kiri) beramah-mesra dengan sebahagian pelajar yang mengambil bahagian dalam bengkel robotik anjuran pihaknya di sini baru-baru ini.**

"Ada yang suruh saya buat luar dari kawasan Butterworth, dan juga ada pelajar sekolah menengah turut berminat untuk serta.

"Di sini, kita dapat lihat pelajar-pelajar kini lebih berfikiran ke hadapan dan diharap begitu juga dengan ibu bapa, sekiranya anak-anak anda minat dengan teknologi seperti ini, hantarlah mereka ke kelas-kelas yang berkaitan supaya mereka dapat meluaskan skop pembelajaran," seru beliau.

# *MindFest* permulaan baik tarik minat pelajar terhadap sains dan matematik

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**SERI DELIMA -** Sempena musim cuti penggal persekolahan lalu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid dengan kerjasama *Penang Math Platform* (PMP) mengambil inisiatif menganjurkan program *MindFest* di sini.

Program yang bermula 28 November sehingga 18 Disember itu menyediakan medium permainan tradisional serta kontemporari sambil mempelajari sains dan matematik.

"*MindFest* yang julung kalinya diadakan ini merupakan satu permulaan baik dalam menarik minat para pelajar terhadap dua subjek berkaitan.

"Selain itu, saya difahamkan bahawa konsep *MindFest* adalah menggabungkan konsep permainan tradisional dan kontemporari untuk menjadikan pembelajaran sains serta matematik lebih menarik kepada pelajar-pelajar dan umum.

"Ini merupakan satu program yang menarik untuk orang-orang muda seperti mana kita maklum bahawa golongan muda adalah aset kepada negara di masa hadapan," ucapnya pada majlis perasmian program tersebut baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar PMP, Richard Chung dan wakil badan-badan yang menyumbang dalam menjayakan *MindFest*.

Tambah Syerleena, selain kepentingan penjagaan kesihatan fizikal, *MindFest* turut menyediakan permainan untuk minda yang mana secara tidak langsung membantu dalam penjagaan kesihatan mental.

Richard ketika berucap menyatakan bahawa *MindFest* merupakan suatu kaedah pembelajaran matematik yang menyeronokkan melalui permainan.

"Kami berharap melalui *MindFest*, pelajar dan orang dewasa boleh memupuk sikap 'sayang' kepada matematik menerusi permainan serta interaktif, malah pada masa sama, membuang persepsi 'takut' akan matematik," jelasnya.

Antara jenis aktiviti yang disediakan pada penganjuran berkaitan termasuk permainan tradisional seperti congkak, batu seremban, *tangrams* dan rangoli, *rubik's cube, brains games, mental arithmetic, memory skill workshops*, pertandingan catur, *bridge* serta pelbagai lagi.



**SYERLEENA Abdul Rashid (kiri sekali) mengambil kesempatan mencuba permainan congkak yang direka semula menggunakan tempurung kelapa bersempena penganjuran program *MindFest* di sini baru-baru ini.**



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 8133 509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




1hb Januari 2019

***Selamat Menyambut Tahun Baru 2019***

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupananntha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow



**SEBAHAGIAN** pameran yang diadakan.



**TARIAN** api dan cahaya yang memukau para pengunjung.

# BFF, acara tahunan satu-padukan rakyat melalui seni, budaya & warisan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAGAN DALAM –** Penganjuran Festival Pinggiran Butterworth atau *Butterworth Fringe Festival* (BFF) 2018 yang berlangsung buat kali keempat merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk merancakkan kembali pembangunan Butterworth.

Mantan Ketua Menteri yang kini Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, Butterworth mempunyai pelbagai sejarah berkaitan seni, sastera dan kegiatan kebudayaan yang dikumpulkan semula melalui penganjuran festival berkenaan.

"Penganjuran BFF merupakan acara yang paling menonjol di wilayah utara selain *Festival George Town* yang menjadi hab utama kepada perkembangan seni, budaya serta warisan di negeri ini.

"Malah, ia (BFF) juga mampu menjadi platform untuk menyatupadukan rakyat di atas kecintaan terhadap seni, budaya dan warisan yang melangkaui latar belakang bangsa serta agama," ucapnya yang juga Ahli Parlimen Bagan ketika merasmikan festival berkaitan 1 Disember tahun lalu.

Turut berucap, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud yang menyatakan bahawa BFF merupakan satu inisiatif untuk meremajakan serta menjadikan Bandar Butterworth sebagai hab budaya, kreatif dan inovasi.

"BFF merupakan acara tahunan bertaraf antarabangsa yang diadakan sejak tahun 2015 dengan mempamerkan persembahan tempatan dan antarabangsa secara percuma kepada orang ramai.

"Walau bagaimanapun, penganjuran pada tahun ini membawa kelainan dengan mempersembahkan budaya antarabangsa berkonsepkan *Street Art Festival*," katanya.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP; Pengarah Eksekutif Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity), Hamdan Abdul Majeed; Pengurus BFF 2018, Jack Wong dan ramai lagi.

Pelbagai persembahan menarik dan warna-warni dipersembahkan sepanjang dua hari festival berlangsung antaranya, Orang-Orang Drum Theatre, *Penang Modern Dance Ensemle* (Euphoria Penang), Wak Long Music Group, Angika Fine Arts, Fusion Wayang Kulit dan *Artisan Market* bagi segmen persembahan tempatan.

Manakala persembahan antarabangsa pula menampilkan Katay Santos, Circo Pitanga, Clap Clap Circo, Hero-San, World of Fire dan Claudian den Boer.

Terdapat juga gerai-gerai jualan makanan dan barangan kraftangan yang dilihat mendapat sambutan hebat daripada pengunjung.





**SEBAHAGIAN** persembahan antarabangsa yang mengisi penganjuran program.




**PERSEMBAHAN** tempatan yang dipersembahkan pada penganjuran BFF 2018.

# SPH umpama sinar untuk Shanmugam terus kembangkan perniagaan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**"SAYA** ingin berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mewujudkan pinjaman (Skim Pinjaman Harapan, SPH) seperti ini. Sebagai peniaga kecil, sumbangan ini umpama sinar untuk kami terus menapak dan mengembangkan perniagaan," ujar **K. SHANMUGAM**, 55, yang mengusahakan perniagaan kuih peneram sejak beberapa tahun lalu.

Menurutnya, pada peringkat permulaan, beliau hanya mengambil stok kuih peneram daripada pengusaha-pengusaha Melayu untuk dipasarkan di kedai dan mini market berhampiran.

"Selepas itu, timbul idea untuk mengusahakannya secara sendiri pada tahun 2000.

"Dengan bermodalkan RM10,000 hasil simpanan sendiri, saya mula mengolah penghasilan kuih peneram berdasarkan resipi turun-temurun keluarga sebelum benar-benar berpuas hati untuk dipasarkan," ujarnya yang merupakan peminjam SPH kali kedua ketika ditemui Buletin Mutiara di Taman Siakap, Seberang Jaya baru-baru ini.

Difahamkan, secara keseluruhannya Shanmugam telah menerima pinjaman sebanyak RM13,000 iaitu RM3,000 ketika pinjaman pertama dan pinjaman kedua (RM10,000) tahun 2018.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah mewujudkan satu inisiatif mulai tahun 2009 dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang kini telah dijenamakan semula sebagai SPH bertujuan mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan mudah dan tidak membebankan kepada peniaga kecil di negeri ini.

Pinjaman bermula RM1,000 sehingga maksimum RM25,000 ditawarkan kepada pemohon yang layak dengan tempoh bayaran balik di antara satu hingga tiga tahun.

Bercakap mengenai perancangan untuk menggunakan modal yang diterima, Shanmugam memberitahu bahawa pada asalnya beliau memohon sejumlah RM50,000 (permohonan pinjaman kedua) tetapi hanya diluluskan RM10,000.

"Saya merancang untuk membeli sebuah mesin acuan menekap peneram kerana kini semuanya dilakukan secara manual sahaja oleh empat orang pekerja.

"Buat (menekap) secara manual memang lambat dan pengeluaran hanya mampu setakat 5,000 paket sebulan hingga 10,000 paket ketika musim perayaan.

"Kadang-kala ketika musim perayaan terutamanya Deepavali, saya menerima permintaan sehingga 20,000 paket tetapi tidak mampu memenuhi permintaan kerana kakitangan yang terhad dengan pengeluaran dilakukan secara manual," jelasnya.

Justeru, beliau melahirkan harapan agar pihak PDC selaku agensi pelaksana dapat mempertimbangkan peruntukan pinjaman lebih kepada pemohon kali kedua dan seterusnya yang mempunyai pembayaran balik memuaskan.



K. Shanmugam menunjukkan produk kuih peneram keluarannya.

"Saya berharap PDC bolehlah mempertimbangkan untuk jumlah pinjaman yang lebih besar sikit untuk mengembangkan lagi perniagaan sedia ada kami agar produk-produk dikeluarkan dapat dipasarkan bukan di dalam Pulau Pinang sahaja, malah memenuhi permintaan dari negeri lain.

"Yang penting sekali, kepada semua peminjam jadilah seorang yang bertanggungjawab agar membayar kembali pinjaman mengikut jadual ditetapkan," kata ayah kepada dua cahaya mata tersebut sambil menyifatkan pinjaman SPH lebih mudah berbanding pinjaman bank dan mampu dibayar pemohon.

# Muara Sungai Keluang berpotensi dimaju sebagai kawasan perkhidmatan teksi air

**BATU MAUNG** – Kawasan muara Sungai Keluang dekat Batu Maung dilihat mempunyai potensi besar untuk dimajukan sebagai kawasan perkhidmatan teksi air atau *water taxi* di negeri ini.

Perkara tersebut dimaklumkan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang pada sidang media selepas merasmikan Batu Maung 4Ts & STEAM Learning Centre di sini 16 Disember 2018.

Menurut Tung Seang, isu pengangkutan perlu dilihat secara holistik dan menyeluruh memandangkan *Penang Transport Master Plan* (PTMP) masih dalam peringkat kajian dan memerlukan masa untuk kelulusan pelbagai pihak.

"Kalau dilihat kepada laluan PTMP, Batu Maung merupakan stesen permulaan dan akhir bagi pelan tersebut.

"Jadi, kita perlu melihat secara holistik bagaimana hendak gerakkan masyarakat (pengguna) secara efektif.

"Berdasarkan faktor geografi Pulau Pinang yang merupakan sebuah pulau, maka perkhidmatan teksi air ini berpotensi untuk dibangunkan.

"Dan apa yang saya lihat, muara Sungai Keluang sesuai untuk tujuan ini, yang mana ia berdekatan dengan kawasan paya bakau dan masih terdapat tanah untuk dimajukan berbanding kawasan George Town yang padat," jelasnya ketika ditanya pihak media berhubung cadangan beliau itu.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain.

Mengulas lanjut, Tung Seang menyatakan, potensi itu dilihat sejurus beliau mengadakan lawatan ke kawasan berkenaan baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan bahawa perkara tersebut hanya cadangan dan memerlukan kajian lanjut mengenainya.

"Walaupun ia berpotensi untuk diketengahkan, namun banyak yang perlu dikaji dan diteliti terlebih dahulu," ujarnya.



AR. Yew Tung Seang.

# Penduduk Flat Taman Permai Jaya lega bumbung, tangki air dibaik pulih

Teks & Gambar : **SUNARTI YUSOFF**

**PADANG LALANG –** Penduduk Flat Taman Permai Jaya, di sini menarik nafas lega apabila tangki air dan bumbung yang rosak sejak sekian lama telah siap dibaik pulih melalui bantuan daripada Kerajaan Negeri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng berkata, kos keseluruhan untuk kerja-kerja penggantian bumbung adalah berjumlah RM34,442.37 yang mana Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM27,553.90 (80 peratus) melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP).

"Manakala, 20 peratus lagi atau RM6,888.47 ditanggung pihak Perbadanan Pengurusan Taman Permai Jaya.

"Bagi kerja membaik pulih tangki air pula, kos keseluruhan dibelanjakan adalah berjumlah RM15,600 yang mana sebanyak RM12,480 dibiayai Kerajaan Negeri, dan RM3,120 ditanggung Pejabat ADUN Padang Lalang," katanya pada sidang media di sini 25 November 2018.

Dalam pada itu, Chong Eng turut memuji sikap prihatin pengerusi perbadanan flat berkenaan yang bijak menyelesaikan masalah dihadapi penduduk.

"Tahniah kepada pengerusi penduduk di sini kerana bersungguh-sungguh menyelesaikan masalah dihadapi penduduk, dan kita berharap lebih banyak pihak pengurusan yang berani mengambil langkah seperti ini," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam.

Dalam pada itu, Pengerusi Perbadanan Pengurusan Taman Permai Jaya, Normah Mohd. Zulkapli memberitahu bahawa sekurang-kurangnya RM1,000 mampu dijimatkan oleh pihak pengurusan selepas kerja-kerja membaik pulih tangki dan bumbung selesai dijalankan.

"Sebelum ini, pihak pengurusan terpaksa mengeluarkan bayaran mencecah RM16,000 sebulan disebabkan tangki yang mengalami kebocoran, dan jumlah ini dapat dikurangkan selepas kerja membaik pulih siap dijalankan sepenuhnya.

"Terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri kerana prihatin terhadap nasib penduduk di sini," jelasnya sambil menambah pihaknya kini sedang mengemukakan permohonan untuk membaik pulih sebuah lagi tangki air yang turut mengalami kebocoran.



CHONG Eng (kiri sekali) mendengar luahan Normah Mohd. Zulkapli bersempena lawatan beliau ke Flat Taman Permai Jaya di sini baru-baru ini.



# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 9145
Peminjam : TAN CHAI SIAN - 82091707****
39-1 TAMAN ANGGERIK, JALAN ANGGERIK 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : TAN CHAI CHUNG - 77091107****
NO. 4 LORONG MURNI 15, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : BEH PHAIK HOON - 77062807****
NO. 33 TAMAN MERBAU, OFF JALAN RAJA UDA 13000 BUTTERWORTH

No Akaun : 9158
Peminjam : YEE SOU YIP - 83080307****
NO.515-A BLOK D2, LORONG TUNA, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI
Penjamin 1 : YEE TUCK MEE - 56111807****
1188 MK 4, BUKIT MERAH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : YEE SENG YIP - 61111407****
NO. 48 JALAN INDAH 3, TAMAN TIRAM, LUNAS 09600 KEDAH

No Akaun : 9161
Peminjam : TAN VIN CI - 83032007****
3-10-5 TAMAN LEMBAH HIJAU, LORONG GANGSA 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LING KEE HWA - 55112707****
11-A JALAN BABA AHMAD, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TEH SENG YEAM - 49010207****
31-B3-4 JALAN TANJONG TOKONG, GRANDVIEW CONDOMINIUM 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 9196
Peminjam : SHABRIYAH BINTI SEHAT - 83050907****
15 LORONG SERI INDAH 7/5 , TAMAN SERI INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : SEHAT BIN JUSOH - 49072307****
2929 MUKIM 16, TASEK JUNJONG 14120 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 2 : AISON BT MOHD GHAZALI - 53012307****
2929 MUKIM 16, TASEK JUNJONG 14120 SIMPANG EMPAT, SPS

No Akaun : 9199
Peminjam : TAN TZE YANN - 80020207****
NO. 10 JALAN SUCI 25/90 , TAMAN SRI MUDA 40400 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : TAN CHOONG MENG - 59052702****
BLK B 4 LOT B6 PH 18 & 19, KEPAYAN RIDGE, KOTA KINABALU 88300 SABAH
Penjamin 2 : CHONG MEI CHOO - 62050202****
BLK B 4 LOT B6 PH 18 & 19, KEPAYAN RIDGE, KOTA KINABALU 88300 SABAH

No Akaun : 9230
Peminjam : NG HUN CHONG - 76082107****
SEK. MEN. KEB. AIR ITAM, JALAN THEAN TEIK 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NG BEE LENG - 68080107****
NO.703-G JALAN MOUNT ERSKINE 10470 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LEE KAM FATT - 74120307****
11A-8-12 TINGKAT PAYA TERUBONG 2, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 9245
Peminjam : SITI ROHAIZA BT ZAINOL - 82010407****
NO. 140 JALAN WARISAN PUTERI A6, BANDAR WARISAN PUTERI 70400 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : AHMAD FAIZAL BIN HJ ZAINOL - 69090707****
3-12-A TAMAN AIR TAWAR INDAH, TELUK AYER TAWAR 13500 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : HALIMATON SAKDIAH BINTI AHMAD - 58030407****
NO. 5631 BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH

No Akaun : 9251
Peminjam : TAN HUI SAN - 82121307****
26 LORONG ASAS MURNI 6, TAMAN ASAS MURNI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG SIEW POH - 54032207****
1684 MK 15 KAMPUNG BAHRU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LAI YEOK TING - 70052307****
1525 JALAN TAN SAI GIN 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9297
Peminjam : INTAN ZURIDA BINTI AHMAD FAUZI - 82041807****
NO. 10 LORONG SHAHBANDAR 15, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : FHAEZAH BINTI ABDUL AZIZ - 60071507****
NO. 10 JALAN BUNGA RAYA 2/8, SEKSYEN 2, SHAH ALAM 40000 SELANGOR
Penjamin 2 : ZARINA BINTI ISHAK - 60071307****
31 LORONG BERTAM INDAH 4/1, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 9302
Peminjam : NG BOON PING - 82011707****
1557 KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : TAN TEN KIAN (PEMANDU LORI) - 74070207****
NO. 172 JALAN KILANG LAMA, PUSAT PERNIAGAAN PUTRA, KELANG LAMA 09000 KULIM,KEDAH
Penjamin 2 : TEOH HANG CHUN - 80113007****
2988 LORONG SELASIH 4/1A, TAMAN SELASIH, KULIM 09000 KEDAH

No Akaun : 9307
Peminjam : KHAIRUL MIMI BT MOHAMAD KAMIL - 82031507****
KIRI 73 BLOCK D, MUKIM 12, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMAD KAMIL BIN HASSAN - 54080607****
KIRI 73 BLOCK D, MUKIM 12, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD YUSRI BIN HASSAN - 65122207****
73 BLOK D MUKIM 12, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 9323
Peminjam : NG THERNG FEI - 82101707****
70 PERSIARAN KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : LOW ENG HENG - 42070307****
34 JALAN JAMBU MAWAR 1, TAMAN JAMBU MAWAR 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NG CHAI POA - 56090407****
NO. 12 JALAN BUNGA RAYA 2, OFF JALAN RAJA UDA 13000 BUTTERWORTH

No Akaun : 9351
Peminjam : LEE HUEY THING - 80112107****
3-9-14 LINTANG PAYA TERUBONG SATU, AYER ITAM 11060 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LEE YEW KIAN - 74061107****
NO. 6 MEDAN KOLAM AIR 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN LAY SEE - 78071907****
9 LORONG CETI 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 9355
Peminjam : MOHD NAZMIN BIN ISMAIL - 83042507****
1557 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : AHMAD SOBRI BIN ARIFFIN - 72062307****
NO. 5360 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : MOHAMMAD NIZAM BIN ISMAIL - 74120407****
NO.1557 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SPU

No Akaun : 9358
Peminjam : ROSSITA BINTI KASSIM LOH - 81122107****
NO. 112 JALAN TIMUR 2/4B, TIMUR @ ENSTEK, BANDAR ENSTEK NILAI 71760 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : BADRUL HISHAM B KASSIM LOH - 73081007****
C-04-06 KONDOMINIUM MUTIARA, BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : YUSNIZA BINTI MOHD YUSOFF - 73072607****
C-04-06 KONDOMINIUM MUTIARA, BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9360
Peminjam : WENDY GOH GUAT HONG - 82021007****
55-6-10 SRI MAHSURI, LORONG SEMPADAN DUA 11400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : GOH HOCK HIN - 53022607****
55-6-10 SRI MAHSURI, LORONG SEMPADAN 2, 11400 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM BEE WAH - 4834***
NO.17 TAMAN DAVID CHEN 11400 PULAU PINANG

No Akaun : 9376
Peminjam : MOHD HASRUL BIN MOHD RAFEEK - 84121107****
22 LORONG RUSA 3, TAMAN SELAMAT, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : HASMIN BIN HANIFAH - 71121007****
22 LORONG RUSA 3, TAMAN SELAMAT, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ZAFRUN NISAH BINTI MOHAMED ALI - 62123107****
151 JALAN TANJUNG TOKONG LAMA 10470 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 9381
Peminjam : MOHD HAFIZ BIN SUID@SHUAIB - 83011307****
S.M.K. PERMAI INDAH, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ROHAYU BINTI ABD RANI - 77120502****
4308 PERMATANG TOK JAYA, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MOHD MUNIR BIN SUID@SHUAIB - 78102307****
22 LORONG SERI SERDANG 4/2, TAMAN SERI SERDANG 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 9409
Peminjam : HASNAH BINTI ISMAIL - 56111007****
NO. 14 JALAN SS 19/6L, SUBANG JAYA 47500 SELANGOR
Penjamin 1 : NORYAZIHAN BT MD NOOR - 66120807****
C-6-8 KONDOMINIUM IDAMAN PUTRA, JALAN 6/21D, MEDAN IDAMAN 53100 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : HAWARI BIN MOHD NOH - 52042808****
NO. 64 JALAN SS 12/2E , 45700 SUBANG JAYA, SELANGOR

No Akaun : 9421
Peminjam : SIVANESVARI A/P K RAMACHANDRAN - 81012208****
66 JALAN 6, TAMAN CENDERAWASIH 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : DEVANI A/P PACHAIAPPEN - 51082808****
66 JALAN 6 , TAMAN CENDERAWASIH, 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : PADMANI DEVI A/P PACHAIAPPEN – (MENINGGAL DUNIA)
3 LORONG BUNGA KANTAN 8, TAMAN KERIAN, PARIT BUNTAR 34200 PERAK

No Akaun : 9446
Peminjam : NORHANEZA BINTI ROSLAN - 84010907****
NO. 12 LORONG PAUH JAYA 2/1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : ROSLAN BIN RAMLI - 58032402****
NO. 5 SOLOK MAHSURI 1, TAMAN MELATI, BAYAN BARU 11950 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD FISOOL BIN RAMLI - 61031502****
NO. 32 HALAMAN TENGGIRI 2, 13700 SEBERANG JAYA, SPT

No Akaun : 9447
Peminjam : DANIEL SABRI SIVAGURU (BATHMANABAN A/L SIVAGURU) - 80082207****
NO. 60 JALAN RAWANG, GEORGETOWN 10460 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MUGUNTHAN A/L A SIVAGURU - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 36-B JALAN UTAMA 10460 PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOPU A/L SIVAGURU - 76042407****
NO. 36-B JALAN UTAMA 10460 PULAU PINANG

No Akaun : 9466
Peminjam : COLLEEN SIM LAY HOON - 81123107****
11-4-10 LEBUH NIPAH 1, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : POW LAY HOON - 80090107****
522-A MUKIM 13 , SUNGAI DUA, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN KEK LOON - 80102007****
NO. 14 MUKIM 9 , TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG

No Akaun : 9500
Peminjam : NURUL HUSNA BINTI SUHAIMI - 84091207****
NO. 7 JALAN PANTAI JERJAK 10, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SUHAIMI BIN ABD WAHAB - 60092507****
NO. 7 JALAN PANTAI JERJAK 10, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SALINA BINTI ABD WAHAB - 67031807****
5-7-7 PRIMA VIEW APARTMENT, LEBUH NIPAH 2, SUNGAI NIBONG 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 9502
Peminjam : SHAMSURIA BINTI SHAMAS - 83082807****
NO. 16 BLOK A, MUKIM 12, SUNGAI NIBONG BESAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SALMAH BINTI AWANG - 63011802****
16 BLOK A MUKIM 12 , SUNGAI NIBONG BESAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : JAAFAR BIN MAT - RF/T9***
CAWANGAN BEKALAN , IBUPEJABAT POLIS KONTINJEN 10760 PULAU PINANG

No Akaun : 9505
Peminjam : ANWAR HARUN BIN ABDULLAH MUNIR - 82051907****
98-8-12 PANGSAPURI SINAR , BUKIT DUMBAR, JALAN FARADAY 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD NAWAS BIN ABDUL RAHMAN - 57120102****
3-12-6 MEDAN TENGKU 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ANWAR IBRAHIM BIN ABDULLAH MUNIR - 78082307****
2A-23-18 MUTIARA HEIGHT, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 9517
Peminjam : LOW CHEAN WEI - 81051607****
NO. 2A LORONG BUKIT MINYAK UTAMA 18, TAMAN BUKIT MINYAK UTAMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SIM CHUN ENG - 75090402****
NO. 16 JALAN WAJA , TAMAN KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LOW GAU - 49100708****
2 LORONG SEJAHTERA 22, TAMAN INDUSTRI, CHEROK TOK KUN 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9532
Peminjam : LIM BOON PING - 84022307****
1866 JALAN BESAR, TAMAN MARKISAH 14100 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 1 : SU YAH - 44042310****
23 LORONG MERAK 58, TAMAN TAMBUN JAYA 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : LIM KOK KHENG - 51111707****
28 LORONG SRI KIJANG 42 , TAMAN SRI KIJANG, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9542
Peminjam : SYED HAZZWARRI B SYED HAMZAH MUFAZZAL - 83092507****
6B-25-02 ALL SEASONS PARK CONDOMINIUM, LEBUHRAYA THEAN TEIK 11500 AYER ITAM
Penjamin 1 : MOHAMAD RAIS BIN MUJI - 68042907****
BLOK E-6-2 TAMAN BUKIT JAMBUL OFF JLN TUN DR AWANG, MK 13, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NOOR LIZA BINTI ZAKARIAH - 65111107****
NO. 246-1 SOLOK SUNGAI ARA 2, KAMPUNG BARU, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 9546
Peminjam : MAIZATUL AKMAM BINTI AHMAD - 83041607****
3-1-4 DESA SELATAN, JALAN JELUTONG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : AMIR HAZRIL SANY BIN AHMAD - 79031507****
3-1-4 DESA SELATAN, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHE AZNI BIN AZMI - 61102907****
BLOK 1B-G-05 PANGSAPURI TAMAN AIR TAWAR INDAH, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 9551
Peminjam : NORAISYAH BINTI ISHAK - 83050907****
6269 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : MOHD FAUZI BIN ISHAK - 71122907****
NO.355 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : NOOR ADILASYILA BINTI BAHARIN - 73111907****
429 MUKIM 1, KUALA MUDA 13110 PENAGA, SPU

No Akaun : 9558
Peminjam : OON KOCK TANG - 83040107****
1859 JALAN KG TOK BEDU, LORONG SERI GELUGOR 2, TAMAN SERI GELUGOR 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : YAP KIM ET - 61092607****
NO.482 POKOK MACHANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : YAP CHOOI AI - 70082207****
BG-14 KELISA APARTMENT, LORONG KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI

No Akaun : 9572
Peminjam : CHEAH HUI TING - 83071307****
D-2-4 TAMAN BUKIT JAMBUL, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NG KOK YEW - 52051007****
3-12-5 BL GARDEN, SOLOK THEAN TEIK, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIAN MOOI SENG - 55070707****
BLOK 2D-2-2 JALAN SEMARAK API 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 9574
Peminjam : QUAH CHEE KENG - 84102207****
NO.33 LINTANG GELUGOR 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : QUAH YING YING - 75090707****
BLOK 115-06-12 JALAN KENARI, DESARIA, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHOY KWAI LENG - 77061907****
422-04-01 JALAN HILL RAILWAY, TAMAN BUKIT BENDERA 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 9576
Peminjam : MOHD ANAS SUZWANDI BIN SUHAIMI - 84010207****
798 PERMATANG TOK JAYA, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : JAMALIAH BINTI ZAKARIA - 56071507****
798 PERMATANG TOK JAYA 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH
Penjamin 2 : ZAHADI BIN HJ MOHD - 55120707****
810 PERMATANG TOK JAYA 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH

No Akaun : 9603
Peminjam : ROY CHOONG HON HUI - 82100407****
17 LORONG MACHANG BUBUK 11, TAMAN MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : KHOR HOCK BENG - 66072207****
1345 JALAN TUJUH, PERKAMPUNGAN BERAPIT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : HOR TSAE LAN - 73050707****
9B JALAN LAGENDA 6, TAMAN LAGENDA MAS 43200 BATU 9 CHERAS, SELANGOR

# ASPP Awards buka peluang warga Seberang Perai berkarya melalui fotografi

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAGAN DALAM –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) terus memperkasakan masyarakat dengan menggalakkan penglibatan mereka dalam peringkat membuat keputusan menerusi pelbagai program pembangunan.

Terkini, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan menganjurkan program *Aspiring Seberang Perai Photography Awards 2018* (ASPP Awards) bagi memberi peluang kepada komuniti khususnya penduduk Seberang Perai menonjolkan bakat masing-masing melalui seni dan fotografi.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, program berkenaan bukan sahaja mampu memperkenalkan MPSP di mata dunia, malah juga dapat merancakkan lagi perkembangan pelancongan di negeri ini.

"Tema yang dipilih untuk program kali ini adalah *'My Sungai Perai'* yang mana peserta dibawa untuk meneroka potensi sungai daripada aspek habitat semula jadi, warisan, kebudayaan, flora dan fauna, sosioekonomi serta makanan tempatan di sepanjang Sungai Perai melalui aktiviti fotografi.

"ASPP Award kali ini menerima sebanyak 1,653 penyertaan bagi empat kategori iaitu profesional, warga Seberang Perai, pelajar sekolah menengah dan media sosial.




**SR. Rozali Mohamud (tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama barisan penganjur, penaja dan sebahagian pemenang penganjuran ASPP Awards 2018 pada majlis penyampaian hadiahnya di sini baru-baru ini.**

"Manakala fotografi yang layak dipertimbangkan adalah seperti Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, Jeti Nelayan Kampung Terus, pesisiran sungai sepanjang Taman Sri Murni dan Jambatan Sungai Dua, pesisiran Sungai Perai, Seberang Jaya, Jambatan Chain Ferry dan kampung Nelayan Ujong Batu," ucapnya pada Majlis Penyampaian ASPP Awards 2018 dekat Jalan Jeti Lama, Butterworth di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP, Dekan Fakulti Reka Bentuk & Senibina Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Osman Mohd. Tahir; Pengarah Projek Butterworth Think City Sdn. Bhd., Murali Ram; Pengarah Urusan Spirit of Perai Sdn. Bhd., LaR. Amos Ng serta ramai lagi.

Penganjuran kali ini menyaksikan Loh Hooi San mengungguli acara bersebut apabila berjaya merangkul Anugerah Khas *'Photo of The Year'* selain memenangi tempat pertama bagi Kategori Warga Seberang Perai sekaligus berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,200 berserta sijil penyertaan.

Johan bagi Kategori Profesional pula adalah milik Chuah Pei Juan yang berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,000, manakala Ong Lay Hong (tempat kedua) dan Lim Lean Eng (tempat ketiga) yang mana masing-masing menerima hadiah berjumlah RM800 dan RM600.

Bagi Kategori Pelajar Sekolah pula dimenangi oleh Ong Chin Wen (Johan), Tang In Han (tempat kedua dan ketiga), manakala Kategori Instagram, johan menjadi milik Lim Kar Huat selain Low Chia Yong (tempat kedua) dan Lim Lean Eng (tempat ketiga).

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

BERSATU DAN SETIA

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 9609
Peminjam : YOW MOOI SIN - 80080807****
NO. 45 JALAN TEKOMA, AMBANG BOTANIC, KLANG 41200 SELANGOR
Penjamin 1 : YOW MEI HOE - 78102307****
1192 KAMPUNG SANGLANG 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : TAN HONG LUAN - 66080607****
2-4 LORONG KERAMAT PERMAI 3, TAMAN KERAMAT PERMAI 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 9622
Peminjam : WOO TEIK CHUAN - 84012407****
444 MK 10, KAMPUNG ASTON 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LOH SAY CHU - 62082308****
444 MK 10, KAMPUNG ASTON 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIM BEE SUAN - 67070407****
NO. 11 JALAN MAWAR, TAMAN JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9633
Peminjam : CHANG LIAN FENG - 80100307****
NO.1109 JALAN TENGAH, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : CHANG LEE SEE - 69060807****
NO. 8 SOLOK SERI IMPIAN 2, TAMAN SERI IMPIAN, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ANG POON CHOON - 63101707****
NO. 1198 PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9636
Peminjam : SARASWATHIDEVI A/P SAMINATHAN - 67072508****
4-1-1 LEBUH NIPAH TIGA, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : RAMAIAH A/L PATCHIAMUTHU - RF114***
BALAI POLIS PULAU TIKUS 10350 JALAN BURMA, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD FAIZ ANTHONY BIN ABDULLAH - 79013007****
BLOK 100-6-15, MEDAN PENAGA, TAMAN SELATAN 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 9637
Peminjam : MOHD NASEER BIN ABU BAKAR - 82041807****
2252 TAMAN MELATI , PADANG SERAI 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : ZAINAB BINTI MAT ISA - 50020307****
NO. 2252 TAMAN MELATI 09400 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 2 : CHE BEDAH BINTI MAHAMAD - 52062107****
NO. 9 LORONG TASIK INDAH 3, TAMAN TASIK INDAH 14120 SIMPANG EMPAT, SPS

No Akaun : 9639
Peminjam : MOHAMMAD ASLAM BIN MOHAMMAD - 80042607****
14 JALAN IKHLAS IE/KS8, TAMAN DATO SETIA, KAMPUNG JOHAN SETIA 41200 KLANG, SELANGOR
Penjamin 1 : MUMDASS BEHAM BT ABDUL KARIM - 50020207****
NO. 61 JALAN MAQBUL 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : FARIDAH BINTI ABDUL RAHMAN - (MENINGGAL DUNIA)
KAMPUNG TEMBAK A 09300 KUALA KETIL, KEDAH

No Akaun : 9654
Peminjam : AINI AZLIN BINTI KHAZALI - 82012807****
KILOMETER 11 JALAN BUKIT TEMIANG, BESERI, KANGAR 02400 PERLIS
Penjamin 1 : KHAZALI BIN TAIB - 56030409****
KILOMETER 11, JALAN BUKIT TEMIANG, BESERI 02400 KANGAR, PERLIS
Penjamin 2 : RUSLAN BIN KASIRAN - 74021907****
AKG 3-1 KUARTERS KASTAM , BUKIT GELUGOR, KAMPUNG KASTAM 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 9677
Peminjam : RODZIAH BINTI ISMAIL - 82051807****
69 MEDAN KIKIK SATU, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : SITI AISHAH BINTI HASSAN - 66092407****
338 MK C, PERMATANG PASIR 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZAINAB BINTI HASSAN - 64021707****
66A LORONG MURNI 1/2A, TAMAN MURNI, GURUN 08300 KEDAH

No Akaun : 9692
Peminjam : KONG HONG GUAN - 83123107****
A-07-01 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN HUN BIN - 71051607****
3-5-12 LEBUH SUNGAI PINANG 7, DESA PINANG 2 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN GEOK HONG - 73030907****
3-5-12 LEBUH SUNGAI PINANG 7, DESA PINANG 2, 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 9736
Peminjam : ROSSITA BINTI KASSIM LOH - 81122107****
NO. 112 JALAN TIMUR 2/4B, TIMUR ENSTEK, BANDAR ENSTEK 71760 NILAI, NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : MOHD ZALANI BIN WAHAB - 67062107****
1449 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : ROSNANI BINTI KASSIM LOH - 75060307****
1449 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 9742
Peminjam : GOH PENG HOW - 82112007****
3 LORONG BINJAI 11, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : GOH HOOI THENG - 79072307****
NO. 3 LORONG BINJAI 11, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : PEK GIM PO - 60022702****
NO. 5 LORONG BINJAI 11, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9743
Peminjam : OOI GIN AIK - 81112507****
85-K JALAN SUNGAI PINANG, GEORGETOWN 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN SUAN BEE - 66123007****
31 PERSIARAN PANTAI JERJAK 11, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOOI BENG CHOO - 66061207****
1-8-3 TAMAN BUKIT DUMBAR PERMAI 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 9744
Peminjam : KHOO SIEW TING - 85051607****
362-3-6 GAT LEBUH MACALLUM 10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : WOON HON WEI - 77111608****
NO. 10 JALAN PANTAI JERJAK 11, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : PUAH CHIU LING - 82122707****
NO. 80 LORONG RUSA 6 , TAMAN SELAMAT 14000 BUKIIT MERTAJAM

No Akaun : 9745
Peminjam : ARSHAD BIN MOHAMMED KASSIM - 77101407****
8 LORONG HIJAU 3, GEORGETOWN 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AZIZAN BIN HUSSAIN - 59062907****
BLOK A-4-6 HOSPITAL KUARTERS, JALAN LIM KHOON HUAT 10460 PULAU PINANG
Penjamin 2 : AZIZ BIN INDAN - 50070107****
272E MUKIM 18, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG

# *'Siemens Digitalization Expedition'* terus memacu realisasikan *Penang2030*

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN –** Siemens Malaysia Sdn. Bhd. (Siemens) baru-baru ini memperkenalkan inisiatif automasi dan pendigitalan Revolusi Industri 4.0, *'Siemens Digitalization Expedition'* dalam memacu pertumbuhan *'vertical markets'* tempatan yang dilihat mampu menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar pintar menjelang tahun 2030.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Malaysia kini berada di tangga ke-15 menjadikan antara 20 negara di dunia yang berdaya saing dalam penjanaan pertumbuhan ekonomi sebagaimana dilaporkan dalam laporan *World Bank Doing Business 2019*.

"Malah, Pulau Pinang turut tidak mahu ketinggalan dan telah beralih ke arah pendigitalan ekonomi menerusi pelbagai inisiatif yang mana teknologi menjadi pemacu unggul merentasi industri dan sektor… sehinggakan mampu menjana pendapatan sebanyak RM1 bilion dalam industri akuakultur," ujarnya ketika hadir merasmikan inisiatif berkaitan dekat Pusat Konvensyen Setia SPICE di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, melalui inisiatif *'Siemens Digitalization Expedition'* tersebut, Siemens menawarkan portfolio yang lengkap dalam merealisasikan visi *Penang2030*.



**KETUA Menteri mencuba salah satu teknologi yang dipamerkan pada penganjuran *'Siemens Digitalization Expedition'* di sini baru-baru ini.**

"(Dan), salah satu daripada empat inisiatif di bawah visi *Penang2030* adalah menaik taraf ekonomi dalam meningkatkan pendapatan isi rumah, yang mana kilang-kilang pembuatan tempatan adalah kumpulan sasar untuk merancakkan lagi 'gelombang' pendigitalan ini.

"Sekaligus mampu meningkatkan penyertaan dan pembangunan berterusan berlandaskan ekosistem yang 'sihat' dan juga modal insan berkemahiran tinggi," jelasnya.

Dalam pada itu, Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Siemens, Indranil Lahiri ketika berucap menyatakan bahawa dalam tempoh 12 tahun akan datang, rakyat Pulau Pinang bakal menjadi peneraju dalam pendigitalan melibatkan teknologi serta inovasi digital.

"Lokaliti adalah tunjang utama Siemens menjadikan ia sebagai syarikat pendigitalan global yang memenuhi pasaran dan permintaan tempatan.

"Oleh itu, kami (Siemens) amat mengalu-alukan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam negara untuk turut serta (dengan Siemens) dalam mendapatkan nasihat serta penyelesaian teknologi yang mampu mendorong perniagaan mereka ke arah suatu era baharu iaitu era automasi dan pendigitalan," katanya yang percaya bahawa peniagaan kecil perlu mengadaptasikan Revolusi Industri 4.0 untuk bersaing dalam pasaran tempatan.

Difahamkan, lebih 60 peratus syarikat pembuatan tempatan berada dalam *'vertical markets'* yang berbeza, antaranya farmaseutikal, peralatan perubatan, makanan dan minuman serta elektrik dan elektronik di Pulau Pinang telah menerima manfaat daripada pengoperasian yang lebih cekap serta telus dengan menjadi rakan strategik Siemens.

*'Siemens Digitalization Expedition'* merupakan suatu siri pameran bergerak yang dianjurkan di beberapa negeri terpilih di Malaysia dengan membawa konsep dan realiti pendigitalan kini termasuk Revolusi Industri 4.0.

# Sayap baharu TF-AMD bakal bantu tingkat FDI ke Pulau Pinang

**BAYAN LEPAS –** Kerajaan Negeri yakin pengukuhan jalinan usaha sama antara syarikat *Tong Fu Microelectronics* (TFME) dan *Advanced Micro Devices* (AMD) Sdn. Bhd. selaku peneraju sektor elektrik dan elektronik di Pulau Pinang akan membantu meningkatkan pelaburan langsung asing (FDI) ke negeri ini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata demikian ketika hadir merasmikan pembukaan sayap baharu TF-AMD dekat Kawasan Perindustrian Bayan Lepas di sini baru-baru ini.

Menurut Ramasamy, pembukaan sayap baharu syarikat berkaitan akan meningkatkan lagi operasi sekaligus membolehkan TF-AMD meneroka peluang pelaburan baru di rantau ini.

"Pulau Pinang mempunyai daya tarikannya yang tersendiri dalam menarik kemasukan pelaburan asing.

"Malah, tadbir urus dan kepimpinan bersih Kerajaan Negeri dalam menyediakan peluang untuk terus berkembang menjadi formula kejayaan unggul.

"Oleh itu, saya yakin, pembukaan sayap baharu ini berupaya memenuhi pertumbuhan pesat dan peningkatan permintaan dalam ruang perniagaannya," ujarnya yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Naib Presiden/Pengurus Besar TF-AMD, Neoh Soon Ee dan Ketua Pegawai Kewangan AMD, Datuk Davinder Kumar.

Dalam pada itu Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Y.C. Lee berkata, pembukaan sayap baharu menandakan pencapaian dan usaha syarikat dalam memenuhi permintaan pasaran.

"Di TF-AMD, kami juga sedia bekerjasama dengan para pelanggan untuk mengembang prospek dan sumber sejajar dengan piagam korporat 'Sayangi Malaysiaku'," katanya.

Sebagai rekod, pada 29 April 2016, penstrukturan semula dan penjenamaan baharu antara TF dan AMD membolehkan TFME memegang kepentingan saham sebanyak 85 peratus dan baki kepentingan dipegang oleh AMD.

TF-AMD merupakan syarikat perintis elektronik dalam menyediakan pemasangan mikrocip tatasusunan grid bola (BGA) tanpa kord, perkhidmatan pek ujian litar.



**PROF. Dr. P. Ramasamy (dua dari kanan) mendengar taklimat khas bersempena pembukaan sayap baharu TF-AMD di sini baru-baru ini.**



# Perbanyak projek Taman Komuniti 3R berkonsep *'Upcycle'*

Teks & Gambar: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SUNGAI PUYU –** Taman Selayang Oren dekat Sungai Puyu kini didekorasi semula dengan barang-barang boleh guna *(upcycle)* untuk dikunjungi orang awam.

Mengulas lanjut, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh memberitahu bahawa taman komuniti berkonsepkan 3R atau *Reduce, Reuse & Recycle* itu adalah yang kedua selepas *Upcycle Park* dekat Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Seberang Jaya diwujudkan.

Justeru, beliau berharap lebih banyak taman berkonsepkan *Upcycle* boleh diwujudkan di Kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) lain di negeri ini.

"Saya ingin menyeru kepada KADUN lain supaya mencontohi projek Taman Komuniti 3R seperti ini yang sememangnya banyak memberi manfaat kepada komuniti setempat terutamanya dalam meningkatkan kelestarian alam sekitar dengan mengurangkan penghasilan sampah serta memaksimumkan penggunaan tanah lapang.

"Melalui projek ini juga saya nak tambah lagi dua 'R' iaitu *Rethink* dan *Reinvention* yang mana sebelum kita buang sesuatu sebagai sampah kita fikir semula… dan *Reinvention* pula adalah kita mampu mengubah barang tersebut kepada produk-produk baharu yang mampu memberikan manfaat seperti yang kita lihat pada hari ini," ucapnya pada Majlis Perasmian Taman Komuniti 3R Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia dan Hari Landskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 6 Disember tahun lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmod; Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Pulau Pinang, Idris Abdul Rahim dan para peserta bengkel 3R.

Rosnani ketika berucap menyatakan bahawa pihaknya kini dalam perancangan memperluaskan konsep taman tersebut ke Seberang Perai Selatan (SPS) pada tahun hadapan.

"Di Seberang Perai Tengah (SPT) adalah yang pertama kita siapkan tahun 2017 iaitu bersebelahan ibu pejabat MPSP… hari ini kita buat di Seberang Perai Utara (SPU), dan kita jangkakan SPS kita akan buat pada 2019.

"Selain sebagai taman rekreasi, saya nampak taman ini juga boleh ditingkatkan fungsinya sebagai pusat kegiatan integrasi masyarakat bahkan kenduri-kendara dan keramaian juga boleh dibuat di sini," jelasnya.

Difahamkan, kira-kira 30 umum dari pelbagai jawatan hadir ke bengkel khas 3R yang diadakan dari 14 hingga 16 November 2018 dalam menyiapkan Taman Komuniti 3R tersebut yang dihiasi dengan hiasan menarik menggunakan barangan terbuang.



**PHEE Boon Poh (depan sekali) sambil ditemani Ir. Rosnani Mahmod (bertudung kuning) mengadakan lawatan ke salah satu sudut Taman Komuniti 3R dekat Taman Selayang Oren bersempena majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.**



**SEBAHAGIAN hiasan *upcycle* yang ditempatkan.**

## iCYCLE bakal diperluaskan ke arah Seberang Perai rendah karbon dan pintar

**BUKIT TAMBUN –** Ke arah menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar rendah karbon dan pintar pada tahun 2022, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal memperluaskan projek iCYCLE iaitu Kitar Semula Pintar mulai tahun 2019, ujar Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Rozali yang merupakan Yang di-Pertua MPSP menyatakan bahawa aplikasi tersebut dibangunkan syarikat iCYCLE Malaysia dengan kerjasama MPSP bagi merealisasikan misi dan visi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

"Satu rumah akan diberi satu *bar code*, pemilik akan ikat sampah (kitar semula) masing-masing, bawa ke pusat sumber (alam sekitar) dan di pusat sumber, gunakan telefon pintar untuk imbas *bar code*, dari situ akan diketahui siapa pemilik sampah kitar semula tersebut.

"Dari situ, markah *(point)* akan disimpan, pemilik yang sudah mempunyai *point* yang banyak boleh ke laman sesawang iCYCLE untuk menebus dengan memuat turun baucar tunai. Ia kemudian boleh digunakan untuk membeli barangan dari kedai terpilih atau memperoleh hadiah," jelasnya pada sidang media sejurus merasmikan Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Tangling, Simpang Ampat dekat Lorong Belibis 15 di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik, Ahli-ahli Majlis MPSP dan pimpinan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Menurut Rozali, program tersebut menunjukkan perkembangan memberangsangkan apabila telah mencatatkan pendaftaran.

"Seramai 90 umum telah mendaftar dengan iCYCLE di Taman Belibis, Taman Bagan Lalang (174) - yang mana kumpulan ini menumpukan kepada jenis sampah pembuangan makanan dan Permatang Nibong (55)," ujarnya.

Justeru, MPSP mengalu-alukan orang ramai untuk menyertai projek iCYCLE dengan mendaftar di laman sesawang *www.icycle.com* atau datang ke pusat sumber alam sekitar terdekat.

Difahamkan, projek iCYCLE julung kali dimulakan di Seberang Perai Utara (SPU) pada Jun 2018, dan Taman Tangling merupakan kawasan pertama bagi Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

Dalam pada itu, Choon Aik ketika berucap mengingatkan bahawa mulai Januari 2019, penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Tambun perlu lebih serius menjalankan pengasingan sisa di punca.

"Kita telah adakan program kesedaran… bagi saya sudah cukup lama, jika ada yang dikompaun oleh MPSP, saya tidak akan layan lagi tuntutan tersebut," katanya.



**GOH Choon Aik (lima dari kiri) dan Sr. Rozali Mohamud (tiga dari kiri) menunjukkan demonstrasi pengkomposan sisa-sisa makanan bersempena Majlis Perasmian Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Tangling di sini baru-baru ini.**

## 'KATAKAN TIDAK' kepada plastik sekali guna!

**PADANG KOTA –** Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh mengajak rakyat Pulau Pinang keseluruhannya untuk 'KATAKAN TIDAK' kepada penggunaan plastik sekali guna mulai tahun 2019.

Ulasnya, dalam menjayakan inisiatif tersebut, langkah pertama yang diambil Kerajaan Negeri adalah larangan penggunaan penyedut minuman plastik *(straw)*.

"Setakat ini, kita banyak menerima reaksi positif daripada pemilik-pemilik kedai yang sanggup menyahut cabaran ini.

"*Straw* ini mungkin kita lihat satu perkara yang remeh, namun kesannya adalah sangat dahsyat… digunakan untuk minum empat ke lima minit sahaja, tetapi nak lupuskannya bukanlah perkara mudah," ucapnya pada Majlis Perasmian Car Boot Barter Trade (Hari Tukar Dagang Kitar Semula) anjuran Junior Chamber International (JCI) Malaysia dekat Padang Kota di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Naib Presiden Eksekutif Kebangsaan JCI Malaysia, Senator Chew Hooi Mei, Naib Presiden JCI United Pulau Pinang dan Pengerusi Penganjur, Peggy Teh.

Mengulas mengenai penganjuran tersebut, Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu turut memuji usaha JCI yang saban tahun menganjurkan acara tersebut dan secara tidak langsung dapat mengurangkan penghasilan sampah melalui sistem barter.

"Sistem barter sangat unik dan pernah digunakan sebelum adanya transaksi tunai, mungkin ada barang yang anda tidak inginkan tetapi sangat diperlukan oleh orang lain," jelasnya.

# Anugerah, terus bakar semangat Abdul Rahman jana inovasi anak-anak peringkat sekolah

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**"INOVASI** selalunya berlaku dalam sektor pengeluaran dan kebanyakan hasil inovasi wujud adalah dalam perindustrian."

Demikian cperkongsian Prof. Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, 50-an, yang dipilih sebagai Tokoh Maulidur Rasul 1440 Hijrah/2018 Masihi baru-baru ini.



**PROF. Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed.**

Abdul Rahman, merupakan Timbalan Naib Canselor (TNC) Penyelidikan dan Inovasi di Universiti Sains Malaysia (USM).

Beliau mengaku gugup ketika menerima anugerah tokoh daripada Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas di Politeknik Balik Pulau pada 20 November 2018.

Berkongsi lanjut, Dr. Abdul Rahman memberitahu bahawa beliau datang daripada keluarga susah.

Selepas belajar di Sekolah Rendah Francis Light II, beliau melanjutkan pendidikan di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

Selepas itu, melanjutkan pengajian di *University of Southern California*, USA pada tahun 1986, Ijazah Sarjana di *University of New Hampshire*, USA pada tahun 1989 dan Ijazah Doktor Falsafah pada tahun 1993 daripada universiti sama.

Beliau menjadi Pensyarah di USM pada tahun 1993.

"Saya ingat yang mengubah hidup saya, menjana inovasi dalam hidup saya adalah cikgu-cikgu di MRSM Kulim.

"Makan saya, pakaian saya, buku saya, kehidupan saya semua MARA 'jaga', cikgu-cikgu MRSM Kulim panggil saya secara peribadi dan asuh saya dalam bidang yang saya minat.

"Apa yang saya nak sebut di sini, MRSM ini memang sistem sokongan yang melahirkan inovasi dalam hidup saya.

"Jadi, sejak zaman belajar sehingga saya bekerja, saya memang diberikan peluang," katanya.

Abdul Rahman menyatakan bahawa beliau setakat ini telah menghasilkan 400 kertas penyelidikan peringkat antarabangsa.

Salah satu hasil penyelidikan, menurutnya, berkaitan usaha mengurangkan kesan berantai pada perubahan iklim.

"Salah satu geran penyelidikan yang telah saya dapat berkaitan perubahan iklim iaitu untuk mengurangkan kesan berantai pada perubahan iklim seperti pelepasan karbon.

"Melalui proses kelapa sawit, banyak menghasilkan gas, dan saya bekerjasama dengan beberapa pihak dari luar negara lalu menghasilkan penyelidikan inovasi itu terus digunakan dalam industri.

"Untuk menghasilkan minyak kelapa sawit memang akan melalui pelbagai proses, dan ada bahan sampingan, dengan projek inovasi ini, bahan sampingan ini pun boleh diproses menjadi gas yang berguna," jelasnya.

Abdul Rahman menzahirkan rasa syukur dengan nikmat Tuhan kepada beliau sekeluarga.

Hasil perkahwinan, beliau bersyukur dikurniakan empat cahaya mata.

"Walaupun saya berasa kehidupan berkeluarga saya lengkap dan sempurna, selain melakukan kerja-kerja penyelidikan, saya suka ke sekolah untuk memberi perkongsian serta pencerahan untuk pelajar.

"Saya berasa bertanggungjawab untuk memberi sesuatu a murid-murid, seperti cikgu-cikgu MRSM Kulim buat untuk jana inovasi dalam diri saya sendiri.

"Pendidikan ataupun ilmu, mesti memberi peluang kepada mereka yang datang daripada keluarga susah.

"Sebab itu, apabila ditanya saya waktu menerima Anugerah Tokoh Maulidur Rasul, saya kata anugerah ini memang membakar semangat untuk terus menjana inovasi anak-anak kita di peringkat sekolah, agar mereka juga ada peluang untuk keluar daripada kelompok B40 (golongan berpendapatan 40 peratus terendah)," ujarnya.

Tambah Dr. Abdul Rahman, beliau percaya bahawa semua rakyat boleh dijana inovasi secara pemikiran dan budaya, sekiranya Kerajaan Pusat membina lebih banyak sistem sokongan seperti MRSM Kulim yang diakui menjana bakat dalam diri beliau.

"Sistem pendidikan di sekolah memang sangat bagus.



**PROF. Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed ketika menerima Anugerah Tokoh Maulidur Rasul daripada TYT dalam Majlis Sambutan Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.**

"Jadi, saya cuba untuk berkongsi pengalaman peribadi, bagi menjana nilai tambah dalam diri pelajar sahaja.

"Bagi saya, MRSM ini memang beri banyak peluang kepada pelajar dari keluarga B40, untuk ubah diri dan nasib keluarga," katanya.



# Kelas Pencetakan 3D
# bantu 'anak-anak Penanti' hasil produk sendiri

**KERAJAAN** Negeri bercita-cita untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pintar menjelang tahun 2030 sebagaimana digagaskan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini.

Oleh itu, pelbagai dasar dan inisiatif diluncurkan Kerajaan Negeri sama ada melalui agensi-agensi kerajaan mahupun wakil rakyat di samping menjalinkan kerjasama erat bersama syarikat-syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya bagi mencapai matlamat tersebut.

Malah, inisiatif-inisiatif yang dilaksana bukan hanya memfokuskan kepada pembangunan fizikal semata-mata, sebaliknya Kerajaan Negeri turut memberi perhatian terhadap pembentukan modal insan bagi mempersiapkan masyarakat di negeri ini mendepani cabaran Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0).

Revolusi Industri 4.0 melibatkan teknologi automasi yang dilihat memberi cabaran baru kepada semua sektor di negara ini sekaligus memerlukan masyarakat melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital untuk terus kekal berdaya saing.

Justeru, sekiranya cabaran teknologi baru yang kompleks tersebut tidak diberi penekanan sewajarnya, maka ia boleh menyebabkan masyarakat dan negara jauh ketinggalan dalam persaingan di peringkat global.

## Penekanan kepada sains dan teknologi

Menyedari hakikat itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin dengan kerjasama Tech Dome Pulau Pinang menggerakkan pelbagai inisiatif antaranya dengan menganjurkan Kelas Pencetakan 3D *(3D Printing)* secara percuma kepada kanak-kanak berumur 10 hingga 12 tahun.

Menurut Norlela, selain mendedahkan ilmu teknologi, program tersebut juga bermatlamat untuk memberi pengetahuan mendalam terhadap teknologi kepada para peserta sehingga mereka mampu mencipta aplikasi telefon pintar sendiri sejak dari usia muda.

"Lebih 72 peratus masyarakat di kawasan Penanti merupakan penduduk kampung yang kebanyakannya kurang didedahkan dengan penggunaan teknologi canggih seperti sistem pengkomputeran, robotik dan Pencetakan 3D yang dijalankan ini.

"Justeru, di bawah projek Penanti *Innovation Talent and Recreation Centre*, sebuah dewan serbaguna telah siap dibangunkan untuk dijadikan kelas-kelas bagi pembelajaran kanak-kanak serta belia di sini melalui konsep *'learning is fun'* (pembelajaran adalah menyeronokkan).

"Kelas Pencetakan 3D dan penggunaan pen 3D merupakan kelas pertama dikendalikan oleh Briged Wanita Penanti dengan penglibatan seramai 104 peserta melalui empat sesi yang mana setiap satu sesi memuatkan seramai 26 peserta.




**DR. Norlela Ariffin (bertudung merah jambu) bergambar kenangan bersama-sama para peserta kelas Pencetakan 3D di sini baru-baru ini.**



**PELBAGAI rupa bentuk robot yang dihasilkan menggunakan mesin cetak 3D.**

"Melalui penganjuran kelas ini, kita mahu anak-anak di Penanti mempunyai kepakaran untuk membangunkan produk mereka sendiri berdasarkan lukisan yang mereka cipta melalui teknologi komputer," ujarnya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan **YUSNINA YUSOF** dekat Dewan Serba Guna Baru, Taman Guar Perahu pada 5 Disember lalu.

## Lebih banyak kelas robotik

Penulis difahamkan, Dewan Serba Guna Baru Taman Guar Perahu yang dibangunkan dengan kos berjumlah RM2 juta turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti gelanggang futsal berbumbung, gelanggang badminton, taman permainan kanak-kanak serta dewan untuk pelbagai program termasuk majlis keraian.

Mengulas lanjut, Norlela menyatakan bahawa pihaknya juga sedang merancang untuk membuka lebih banyak kelas robotik pada masa akan datang termasuk menganjurkan kem sains dan astronomi khusus untuk kanak-kanak serta belia di kawasan luar bandar.

"Mungkin di kawasan bandar perkara ini biasa, tetapi bagi kawasan luar bandar kebanyakan sekolah-sekolah tidak mempunyai infrastruktur dan peralatan teknologi yang canggih untuk didedahkan kepada para pelajar.

"Oleh itu, pada masa akan datang, kita akan susun lebih banyak kelas Pencetakan 3D kerana kelas seperti ini tidak boleh hanya dibuat sekali sahaja memandangkan masih banyak perkara berkaitan teknologi yang lebih rumit perlu dipelajari para peserta.

"Kita juga mahu kanak-kanak melalui proses pembelajaran dalam persekitaran luas, bersih serta dalam suasana yang menyeronokkan, dan pada masa sama mampu meningkatkan kepakaran mereka dalam teknologi serta robotik.

"Diharapkan juga pada masa akan datang kita dapat menyediakan kira-kira 3,000 pencetak 3D dan 2,000 pen 3D supaya lebih ramai kanak-kanak berpeluang menyertai kelas ini," jelasnya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai perancangan jangka masa panjang untuk masyarakat Penanti, Norlela menjelaskan bahawa pihaknya juga akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat multinasional bagi membolehkan pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengikuti kursus peringkat sijil dan diploma sambil bekerja di beberapa syarikat terpilih.

"Pelajar lepasan SPM yang lulus mata pelajaran matematik dan bahasa Inggeris layak mengikuti program bekerja sambil belajar di syarikat atau kilang-kilang terkemuka di negara ini.

"Bagi tujuan itu, saya sendiri berjumpa dengan guru-guru kaunseling di setiap sekolah dan mengadakan taklimat pada 19 November lalu untuk mengenal pasti pelajar-pelajar lepasan SPM yang mana dirasakan berminat dalam bidang mekatronik dan industri automasi untuk mengikuti program tersebut.

"Selepas tamat menjalani kursus selama tiga tahun, sudah pasti mereka memperoleh pengalaman dan boleh terus bekerja sama ada di kilang-kilang atau syarikat-syarikat berkaitan," katanya sambil menambah bahawa kos bagi pengangkutan termasuk yuran pengajian dan gaji akan dibayar oleh pihak syarikat terlibat.



**ROGAYAH Mohd. Isa.**

## Terima sokongan padu ibu bapa

Bagi ibu kepada salah seorang peserta program, **ROGAYAH MOHD. ISA**, 45, dari Taman Pauh Jaya memberitahu bahawa program berkenaan mampu mencungkil minat anaknya terhadap penggunaan teknologi sejak dari usia muda.

"Saya hantar anak ke kelas ini sebagai persediaan supaya dia tidak ketinggalan dalam bidang teknologi berbanding kawan-kawan lain selain untuk meluangkan masa

dengan aktiviti lebih berfaedah semasa musim cuti sekolah.

"Saya lihat anak saya lebih berminat kepada internet, jadi bila kita dedahkan dia dengan kelas-kelas seperti ini, mereka akan menyalurkan minat kepada sesuatu yang lebih bermanfaat kerana ini (internet) benda baru bagi mereka," katanya yang merupakan ibu kepada tujuh cahaya mata.



WAN Rohaya Harun.



NUR Ain Najihah Mohd. Nasree.



NAFIZ Fauzan Mohd. Firdaus.



SEBAHAGIAN peserta menghasilkan cermin mata menggunakan pen 3D.

**WAN ROHAYA HARUN**, 44, pula berkata, anaknya Wan Haziq Naufal Sofian, 11, dari Sekolah Kebangsaan (SK) Stowell dilihat mempunyai minat mendalam terhadap karikatur dan mempunyai kecenderungan untuk mendalami ilmu berkaitan teknologi.

"Baru-baru ini, saya bawa dia (Wan Haziq Naufal) ke Pameran Sains Antarabangsa (Pulau Pinang) dan selepas itu saya lihat dia menunjukkan minat terhadap teknologi.

"Semoga ilmu pengetahuan mengenai teknologi yang diperoleh melalui kelas ini dapat diaplikasikan kepada minatnya iaitu melukis karikatur.

"Saya juga berharap agar kelas-kelas seperti ini diteruskan dan kalau boleh diperbanyakan lagi untuk manfaat anak-anak di negeri ini," serunya.

Bagi **NUR AIN NAJIHAH MOHD. NASREE**, 11, dari SK Seri Impian meluahkan rasa teruja apabila berpeluang menyertai program tersebut yang disifatkannya sebagai menyoronokkan.

"Ini kali kedua saya masuk kelas berkaitan teknologi selepas mengunjungi Pameran Sains (Antarabangsa Pulau Pinang) baru-baru ini dan saya dapat rasakan bahawa sains dan teknologi adalah sesuatu yang sangat menyeronokkan," jelasnya riang.

Nada serupa diluahkan **NAFIZ FAUZAN MOHD. FIRDAUS**, 10, dari SK Tanah Liat yang menyatakan bahawa bidang sains dan teknologi sebelum ini dianggap sebagai sangat kompleks serta sukar, namun persepsi tersebut berubah selepas beliau menyertai kelas Pencetakan 3D.

"Pada mulanya saya rasa susah untuk menggunakan komputer dan pen 3D, tapi selepas belajar semuanya menjadi sangat mudah dan menyeronokkan," ujarnya.

# Kayuhan Amal I ❤ Penang, tingkat aktiviti sihat komuniti

**PANTAI JEREJAK** – Seiring dengan usaha meningkatkan pembabitan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti sihat, Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Jerejak baru-baru ini mengambil inisiatif menganjurkan program Kayuhan Amal I ❤ Penang.

Program yang diadakan di perkarangan kawasan Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) Bayan Baru berkaitan juga merupakan anjuran bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Dato' Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, menariknya penganjuran julung kali tersebut mendapat penyertaan daripada peringkat komuniti, agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang sekaligus memberi manfaat kepada para penduduk setempat.

"Bagi kali ini, kawasan DUN Pantai Jerejak terpilih untuk menerima agihan zakat korporat dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) daripada SSM.

"Bagi agihan zakat, sebanyak 100 asnaf, masjid (2) dan surau (15) di kawasan ini terpilih, yang mana jumlah sumbangan bernilai RM300 kepada golongan asnaf; masjid (RM3,000) dan surau (RM2,000) menjadikan nilai keseluruhan zakat diperuntukan adalah sebanyak RM66,000.

"Manakala bagi program CSR melibatkan orang bukan Islam, seramai 100 penerima yang masing-masing menerima wang tunai RM300 dan rumah terpilih (10), RM1,000 serta barangan keperluan harian.

"Selain aktiviti teras untuk mendaftarkan syarikat di Malaysia, inisiatif murni SSM berkaitan adalah untuk membantu golongan memerlukan pada setiap tahun," ujarnya pada penganjuran berkaitan sambil mengalu-alukan sumbangan zakat dan CSR kepada para penduduk di kawasannya di sini 16 Disember 2018.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain dan Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Zaharah Abdul Wahab Fenner.

Sebelum itu, program dimulakan dengan kayuhan amal beramai-ramai membabitkan lebih 100 peserta.

Ia kemudian disusuli ziarah ke beberapa rumah terpilih berserta penyampaian sumbangan oleh Saifuddin.



SAIFUDDIN Nasution (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima bersempena ziarah khas yang diadakan di sini baru-baru ini.

# ADUN hasrat jadikan kebun kejiranan satu agenda, contoh

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**AIR ITAM –** Taman Kejiranan Shaik Madar di sini dilihat mampu memenuhi keperluan dan kehendak rekreasi serta riadah penduduk sekitar kawasan di sini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Joseph Ng Soon Siang berkata, ia merupakan projek yang baik kerana selain tujuan rekreasi, Taman Kejiranan Kampung Shaik Madar begitu unik berikutan terdapat projek kebun kejiranan.

"Saya berhasrat menjadikan kebun kejiranan ini satu agenda di George Town, melalui kebun kejiranan di sini ianya boleh dijadikan contoh kepada seluruh negeri," ujarnya sambil menzahirkan hasrat untuk memasang lampu di taman berkenaan pada tahun 2019 dalam menggalakkan kemudahan aktiviti sukan pada waktu malam.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang, Setiausaha MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali, wakil *Penang Natural Green Organisation* (PNGO), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat dan rombongan Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Taman Kejiranan Kampung Shaik Madar adalah hasil kerjasama di antara MBPP dengan beberapa pihak berkepentingan iaitu PNGO, JKKK Kampung Shaik Madar dan pejabat kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam.

Menurut Tung Seang, selaras dengan visi Kerajaan Negeri ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat, maka pada tahun 2018, MBPP telah menaik taraf lima Taman Kejiranan sebagai Taman Riadah dan Rekreasi Awam untuk kegunaan penduduk sekitar Pulau Pinang.

"Salah satu daripadanya adalah Taman Kejiranan Kampung Shaik Madar dengan kos pembinaan RM132,536.66.

"Antara penambahbaikan yang telah dijalankan adalah kerja meratakan tanah dan penanaman rumput, membina laluan pejalan kaki, membina dataran serbaguna, menggantikan alat permainan serta mengecat dataran dan membina pagar," ucapnya Sempena Majlis Perasmian Taman Kejiranan Kampung Shaik Madar pada 7 Disember lalu.



**SEBAHAGIAN kakitangan MBPP yang terlibat secara langsung dalam projek Taman Kejiranan Shaik Madar di sini.**





**SEBAHAGIAN tanaman sayur-sayuran dan herba yang terdapat di kebun kejiranan Taman Kejiranan Shaik Madar.**



**DUA kanak-kanak sedang menggunakan salah satu peralatan senaman yang disediakan.**

## Operasi bersepadu buru pendatang asing tanpa izin

**BUKIT MERTAJAM –** Seramai 15 pendatang asing tanpa izin (PATI) berjaya ditahan dalam operasi bersepadu yang dijalankan di sekitar Kompleks Bukit Mertajam pada 24 November 2018.

Operasi selama dua jam itu melibatkan anggota-anggota daripada Bahagian Penguatkuasa Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang, Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ahli Majlis bagi MPSP, Tan Cheong Heng berkata, operasi tersebut yang masuk kali kelima bagi tahun 2018 dijalankan ekoran terdapat banyak aduan daripada penduduk tempatan berkaitan kehadiran pendatang asing yang membanjiri kawasan berkenaan.

"Jika mengikut undang-undang, kemasukan warga asing ini adalah untuk bekerja, namun ada dalam kalangan mereka yang mengambil kesempatan dengan menjalankan perniagaan sendiri sehingga merampas peluang ekonomi penduduk tempatan.

"(Dan) pada hari ini (24 November 2018) sebanyak 10 kompaun dikeluarkan oleh Jabatan Pelesenan MPSP atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen sah yang mana tujuh lesen telah dirampas membabitkan empat perniagaan barangan am dan tiga lagi melibatkan (perniagaan) premis makanan.

"Sebanyak 10 kompaun lagi dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MPSP atas kesalahan premis kotor dan tidak menggunakan penapis minyak," ujarnya pada sidang media selepas tamat operasi berkaitan di sini.

Dalam pada itu, Timbalan Penolong Pengarah Kanan (TPPK) Bahagian Penguatkuasa Imigresen Pulau Pinang, Izham Idris menyatakan bahawa mereka yang ditahan didapati telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959 iaitu berada di negara ini tanpa sebarang pas atau permit yang sah dan Peraturan 39B Peraturan Imigresen 1963 iaitu menyalahgunakan pas perjalanan.

"Seramai 15 orang yang ditangkap terdiri daripada 13 lelaki dan dua wanita atas kesalahan tiada permit perjalanan yang sah, yang mana seramai enam orang adalah dari Myanmar, Bangladesh (5), Nepal (1) serta Indonesia (1).

"Kesemua mereka akan ditahan di depoh tahanan Juru selama 14 hari untuk siasatan lanjut," jelasnya.



**ANGGOTA-anggota daripada agensi terlibat memeriksa lesen perniagaan salah sebuah premis pada operasi bersepadu yang dijalankan di sini baru-baru ini.**

# Jalan Lembah Permai, diharap pemandu kenderaan berat tidak ambil jalan mudah

**TANJUNG BUNGA –** Kerajaan Negeri bertindak memasang palang besar yang lebih kukuh dekat Jalan Lembah Permai *(Vale of Tempe)*, di sini bagi menghalang kenderaan berat melalui laluan tersebut.

Meskipun sebelum ini palang telah didirikan, namun kata Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan banjir, Zairil Khir Johari, masih terdapat kenderaan berat yang berdegil melalui jalan tersebut sehingga merosakkan palang halangan tersebut selain menyebabkan berlakunya kemalangan.

"Pada tahun 2017, sebanyak tujuh laporan polis telah dibuat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang berkaitan kerosakan palang tersebut, dan (2018) sebanyak dua laporan polis telah dibuat berkaitan insiden yang sama.

"Berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di kedua-dua arah mendapati bahawa kerosakan tersebut berlaku disebabkan oleh kecuaian pemandu kenderaan berat," katanya pada sidang media di sini 10 Disember tahun lalu.

Beberapa pegawai dari JKR Pulau Pinang serta wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Lembah Permai, A. Shanthy turut menyertai sidang media berkenaan.




**ZAIRIL Khir Johari (berkemeja putih), wakil-wakil berkaitan menunjukkan palang yang dipasang dekat Jalan Lembah Permai pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Justeru, Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga menasihati pengguna jalan raya terutama pemandu kenderaan berat supaya mematuhi arahan yang ditetapkan pihak berkuasa.

"Laluan ini hanya untuk dilalui oleh kenderaan ringan sahaja memandangkan keadaan jalan raya di sini yang sempit dan tidak sesuai untuk dilalui oleh kenderaan berat.

"Oleh itu, diharapkan pemandu kenderaan berat tidak mengambil jalan mudah dengan menggunakan Jalan Lembah Permai kerana dibimbangi bakal mendatangkan risiko keselamatan nyawa kepada pengguna jalan raya yang lain," serunya.

Dalam pada itu, Ketua Balai bagi Balai Polis Tanjong Tokong, Mohd. Azri Awang menegaskan bahawa mana-mana pemandu kenderaan berat yang melalui jalan berkenaan dan melanggar palang dipasang akan berdepan tindakan kompaun maksimum RM300 jika disabitkan kesalahan.

"Jika siasatan yang dijalankan pihak polis mendapati kesalahan tersebut berpunca daripada kecuaian pemandu, kes akan disiasat di bawah Peraturan 10 Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan 1959 (Peraturan 10 LN 166/59) – Kesalahan Mengawal Kenderaan dan Terlibat Dalam Kemalangan yang boleh dikenakan kompuan maksimum RM300 tanpa sebarang rayuan kecuali di mahkamah.

"Selain itu, kes juga boleh disiasat di bawah Seksyen 79 (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 – Kesalahan kerana Mengabaikan Arahan dan Isyarat Lalulintas yang mana jika disabitkan kesalahan boleh dikompuan maksimum RM500 ke atas pemilik kenderaan," tegasnya.

## Khatan gaya hidup sihat, rai kepelbagaian budaya beragama

**JAWI -** Sempena cuti sekolah akhir tahun, komuniti penduduk Taman Jawi Jaya menganjurkan acara khatan secara beramai-ramai membabitkan hampir 50 anak-anak setempat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye memberitahu bahawa acara 'bersunat' membabitkan gender lelaki adalah suatu gaya hidup bersih dan sihat.




**JASON H'ng Mooi Lye (tengah, berkemeja putih) bergambar bersama-sama wakil-wakil penganjur dan kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam Majlis Pemimpin Bersama Komuniti Program Khatan Perdana di sini baru-baru ini.**

"Bagi umat Islam di Malaysia, berkhatan atau bersunat ini menjadi sebahagian daripada tuntutan agama.

"Sebenarnya di luar negara pun, doktor akan tanya kepada kita sama ada nak berkhatan atau tidak, bukan lah sebab kita beragama Islam atau Kristian atau sebagainya, tapi kerana berkhatan itu adalah sesuatu amalan yang dilihat bersih.

"Justeru, jangan ada dalam kalangan rakyat Malaysia yang majmuk menganggap berkhatan membabitkan orang Islam ini sebagai diskriminasi kepada anak-anak orang Islam, sama ada lelaki mahupun perempuan.

"Kerana, berkhatan ini seperti sesetengah amalan menindik telinga dan hidung, seseorang itu akan ditanya terlebih dahulu sebelum amalan tersebut dibuat.

"Justeru, berkhatan ini adalah budaya yang wujud secara dinamik, bukan untuk kita perangi, tetapi untuk kita saling menghargai budaya pelbagai itu," jelasnya dalam Majlis Pemimpin Bersama Komuniti Program Khatan Perdana di sini pada 2 Disember lalu.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman turut merakamkan penghargaan kepada komuniti penduduk kerana menghidupkan budaya kebersamaan sebegitu melalui program khatan perdana tersebut.

Beliau turut menasihatkan semua rakyat yang berbilang kaum agar terus menyemarakkan budaya saling menghargai walaupun masing-masing ada rumpun budaya, kepercayaan serta latar belakang keluarga pelbagai.

## *'My Seri Delima'*, program 5 tahun khas untuk penduduk

**SERI DELIMA –** Seramai 75 murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah terpilih di kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima menerima bantuan awal persekolahan dari Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Baucar bantuan zakat masing-masing berjumlah RM150 itu disampaikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid dalam satu majlis yang berlangsung dekat Dewan JKKK Bukit Gelugor di sini 9 Disember 2018.

Ketika ditemui, Syerleena memaklumkan bahawa pemberian bantuan awal persekolahan daripada ZPP berkaitan merupakan program tahunan melibatkan murid-murid serta pelajar-pelajar terpilih di KADUN Seri Delima.



**SYERLEENA Abdul Rashid (kiri sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima bantuan awal persekolahan ZPP pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.**

"Penerima ialah mereka yang berpendapatan rendah, mempunyai tanggungan ramai dan juga ibu-ibu tunggal yang mempunyai anak yang masih bersekolah.

"Selain baucar, penerima turut menerima beg kanvas istimewa *'My Seri Delima'*, kalendar serta pin lencana butang *(button badge)* 'I ❤ Pulau Pinang'," ujarnya pada majlis berkenaan.

Difahamkan, baucar tersebut boleh ditunaikan di pasar raya terpilih dan penerima boleh membuat pembelian kelengkapan persekolahan mengikut kadar yang ditetapkan.

Mengulas lanjut mengenai *'My Seri Delima'*, Syerleena menyatakan bahawa ia merupakan suatu inisiatif kerangka program yang dirancang untuk penduduk KADUN berkaitan bagi tempoh lima tahun.

"Setelah enam bulan menjadi wakil rakyat di sini, saya dapati bahawa masih ada cabaran yang perlu dihadapi malah saya juga banyak mempelajari selok-belok mengenai komuniti di sini.

"InshaAllah, tahun hadapan saya akan melancarkan *'My Seri Delima'* iaitu perancangan program-program untuk tempoh lima tahun khas buat penduduk di Seri Delima," jelasnya sambil menzahirkan penghargaan kepada semua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) KADUN Seri Delima yang banyak membantu beliau.

Terdahulu, Syerleena meluangkan masa kira-kira sejam mengedarkan kalendar tahun baru di Pasar Awam Taman Tun Sardon.

# Kerajaan Negeri akan terus laksana program kebajikan demi rakyat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SITI NOOR NABILAH NOORAZIS**

**SUNGAI DUA -** Sebanyak 200 Baucar Pakaian Seragam Sekolah 2019 disumbangkan kepada pelajar terpilih sekitar Parlimen Tasek Gelugor, sementara 250 baucar lain disumbangkan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memberitahu, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini akan terus melaksanakan program-program kebajikan sedia ada demi rakyat, sungguhpun dihambat oleh pelbagai kekangan kewangan seperti Kerajaan Pusat.

"Kerajaan Negeri hari ini beriltizam untuk meneruskan semua program walaupun keadaan kewangan adalah agak mencabar.

"Pemberian (baucar) ini tidak sebesar dan banyak, tapi masih tetap membantu.

"Walaupun kita (Kerajaan Negeri) tumpu soal pembangunan (fizikal), kita tak abaikan aspek pembangunan kekeluargaan.

"Jadi, Kerajaan Negeri ambil bahagian juga dalam menyiapkan persiapan persekolahan anak-anak terpilih sebelum bermulanya sesi persekolahan bagi tahun 2019," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Pinang Tunggal dekat Dewan Muhibbah, Merbau Kudung di sini pada 17 Disember 2018.

Turut berucap, Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Pejabat Ketua Menteri, Zahar Zainul dan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Permatang Berangan, Datuk Jasmin Mohamad.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman bergambar kenangan dengan jawatankuasa penganjur dan barisan penerima pada Majlis Penyampaian Bantuan Baucar Pakaian Seragam Sekolah 2019 di sini baru-baru ini.

## Bumbung rumah mangsa ribut peroleh perhatian ADUN

**SEBERANG JAYA -** Rumah pasangan suami isteri, Zulkeflee Ahmad, 47, dan Siti Anita Abu Seman, 46, yang mengalami kerosakan akibat dipukul ribut baru-baru ini mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin.

Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan berkata, usai lawatannya ke rumah pasangan itu pada 7 Disember lalu, didapati bumbung rumah kediaman tersebut diterbangkan ribut.

"Saya percaya dalam kejadian semalam (6 Disember), angin ribut telah menerbangkan sebahagian bumbung rumah pasangan ini terutamanya di bahagian dapur selain kerosakan lain yang turut dikesan.

"Setelah membuat penilaian dan penelitian kos dan melalui mesyuarat MMK Pembangunan Luar Bandar, peruntukan untuk membaikinya telah diluluskan segera," ujarnya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Afif turut menyampaikan sumbangan peribadi kepada pasangan tersebut.

Zulkeflee yang merupakan seorang pemandu bas, ketika ditemui melahirkan rasa syukur apabila masalah yang dihadapi mereka mendapat perhatian segera.

"Syukur sangat sebab pihak YB (Afif) datang cepat membantu, kalau nak harapkan (pendapatan) kami berdua tidaklah seberapa dan mungkin mengambil masa membaikinya," katanya yang menceritakan kejadian sama pernah berlaku tujuh tahun lalu.

Difahamkan, isterinya hanya berniaga secara kecil-kecilan di rumah.



DR. Afif Bahardin (berbaju batik) meninjau kerosakan bumbung yang dialami kediaman Siti Anita Abu Seman (bertudung biru) dalam dalam satu lawatan khas di sini baru-baru ini.

## Hanya melalui pendidikan anak-anak dapat bantu ubah nasib keluarga, nasihat ADUN



JAGDEEP Singh Deo, barisan penganjur dan wakil-wakil berkaitan bergambar kenangan bersama-sama para penerima pada Majlis Penyampaian Bantuan Persiapan Kembali Ke Sekolah KADUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

**DATUK KERAMAT –** Seramai 500 murid dari tujuh kawasan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat menerima bantuan persiapan kembali ke sekolah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo berkata, baucar masing-masing bernilai RM60 itu disumbangkan kepada murid-murid terpilih daripada keluarga kurang berkemampuan.

Menurutnya, program pemberian bantuan persiapan kembali ke sekolah itu merupakan salah satu inisiatif kecemerlangan pendidikan yang dilaksanakan beliau sejak 10 tahun lalu.

"Ini tahun kesepuluh (2018) bantuan persiapan kembali ke sekolah diadakan di kawasan ini dengan kerjasama JKKK dekat Datuk Keramat bagi membantu pelajar kurang berkemampuan membuat persiapan persekolahan.

"Tumpuan pastinya kepada keluarga yang berpendapatan rendah dan mempunyai anak ramai," kata beliau ketika ditemui selepas majlis berkaitan di sini 1 Disember 2018.

Jagdeep yang juga Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa dalam pada itu turut menasihati penerima agar mendengar nasihat ibu bapa dan para guru sekiranya ingin berjaya dalam pelajaran.

Malah, tambahnya, hanya melalui pendidikan mereka dapat membantu mengubah nasib keluarga pada masa hadapan.

Difahamkan, Jagdeep memperuntukkan sejumlah RM30,000 pada tahun berkaitan, iaitu peruntukan tertinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya.

"Tambahan peruntukan ini kerana kita memperluaskan kategori penerima dengan menambah jumlah (penerima) setiap tahun.

"(Dan) tahun ini (2018), seramai 95 penghuni Ashrama Ramakrishna turut menerima bantuan baucar ini," jelas beliau.

# Majlis khatan bukti amalan masyarakat Melayu tidak pernah terhakis

Teks & Gambar : **SUNARTI YUSOFF**



KANAK-kanak dimandikan pada Majlis Khatan Perdana di sini baru-baru ini.



MOHD. Tuah Ismail (hadapan, berbaju batik) dan Zolkifly Md. Lazim (hadapan, berkemeja putih) yang turut 'dimandikan'.

**PULAU BETONG** – Seramai 103 kanak-kanak menyertai Majlis Khatan Perdana anjuran Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong dekat Kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) White Resort, Kampung Genting di sini.

ADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, program kebajikan tersebut dilaksanakan bagi meraikan kanak-kanak berkaitan sebelum mereka melalui proses berkhatan.

"Majlis Khatan Perdana ini adalah di bawah kebersamaan Pusat Khidmat Ahli Parlimen Balik Pulau melibatkan tiga KADUN iaitu Pulau Betong, Teluk Bahang dan juga Bayan Lepas.

"Ini (majlis khatan) bukan semata-mata majlis yang kita laksanakan untuk masyarakat tetapi juga melibatkan pelbagai peringkat jabatan dan agensi kerajaan dengan bayaran sebanyak RM30 seorang," ujarnya semasa merasmikan majlis berkenaan.

Turut serta, wakil Ahli Parlimen Balik Pulau, Shamsudin Abdul Rahman; Pasukan Bomba dan Penyelamat (Bomba); pegawai-pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM); warga kerja Majlis Khatan Perdana 2018; barisan Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) seluruh Parlimen Balik Pulau serta ibu bapa.

Difahamkan, semua kanak-kanak yang terlibat dibawa menaiki bas *'Hop On Hop Off'* mengelilingi kawasan sekitar Balik Pulau sebelum berarak masuk ke dalam dewan dengan diiringi paluan kompang pada jam 9 pagi.

Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan selawat dan lagu-lagu nasyid oleh pelajar-pelajar dari Pusat Tahfiz Al-Quran Wal Hidayah, persembahan silat dan acara memotong pulut kuning.

Dalam pada itu, ADUN Telok Bahang, Zolkifly Md. Lazim menyatakan, penganjuran Majlis Khatan Perdana yang diadakan setiap tahun di Balik Pulau membuktikan bahawa amalan masyarakat Melayu seperti berkhatan di Pulau Pinang tidak pernah terhakis.

"Sebagai umat Islam dan masyarakat Melayu, sudah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk sunatkan anak-anak kerana agama (Islam) telah menetapkan bahawa berkhatan adalah perkara yang wajib dilakukan.

"Berkhatan merupakan amalan baik yang diterima oleh hampir semua agama di dunia ini, dan atas sebab itu kita mahu pastikan bahawa agama dan budaya Melayu ini akan terus disuburkan," ujarnya.

Paling mencuri tumpuan ramai apabila gelagat Mohd. Tuah dan Zolkifly yang turut 'dimandikan' beramai-ramai di bawah pancuran air sebelum upacara berkhatan diadakan.

## Kejohanan sepak takraw, aktiviti sihat eratkan ikatan silaturahim



JASON H'ng Mooi Lye (tengah) menyampaikan trofi kemenangan kepada Kumpulan Fenhas yang muncul juara pada penganjuran Kejohanan Sepak Takraw Antara Regu Terbuka anjuran ADUN Jawi di sini baru-baru ini.

**JAWI** – Sebanyak 60 pasukan dari serata negara menyertai Kejohanan Sepak Takraw Antara Regu Terbuka anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye pada 24 November tahun lalu.

Menurut Mooi Lye, Kerajaan Negeri senantiasa mengalu-alukan aktiviti sihat seumpama berkaitan diadakan.

"Kami (di Kawasan Dewan Undangan Negeri, KADUN Jawi) percaya bahawa dengan adanya aktiviti sihat ini, ia akan mengeratkan lagi hubungan sedia ada dalam kalangan belia yang mengambil bahagian," ucapnya pada majlis pembukaan kejohanan berkaitan yang berlangsung dekat Gelanggang Sepak Takraw Kampung Bagan Buaya di sini.

Selain dapat menyumbang ke arah pembentukan sahsiah rakyat yang sihat, Mooi Lye memberitahu bahawa inisiatif berkaitan juga dapat melahirkan generasi cergas serta berdisiplin tinggi.

"Melalui aktiviti sebegini, semangat juang dipertarukan sekaligus dapat menunjukkan komitmen tinggi dalam kalangan ahli pasukan untuk menghasilkan kejayaan perlawanan.

"Bagi menarik dan mengiktiraf sukan sepak takraw ini, pihak saya juga telah menyediakan hadiah lumayan yang mana juara bakal membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,200 berserta trofi dan medal.

"Manakala bagi naib johan, hadiah wang tunai RM850 beserta medal dan tempat ketiga (RM500)," tambahnya yang turut mendokong semangat kesukanan dalam mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan belia.

Pada penganjuran kali ini, Kumpulan Fenhas dari Butterworth dinobatkan sebagai juara, manakala naib johan ialah Kumpulan Six Z dari Sungai Buloh, Selangor dan tempat ketiga, Kumpulan Jitra All Star, Kedah.

## Kem Muhibah tingkatkan kemahiran insaniah pelajar

**JAWI** – Dalam perkembangan teknologi terkini, kebanyakan pelajar menghabiskan masa dengan aktiviti seperti melayari laman sosial yang dilihat mampu memberi kesan terhadap perkembangan komunikasi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye berkata, atas sebab tersebut, beliau mengambil inisiatif menganjurkan Kem Muhibah selama tiga hari bertempat di Taman Negeri Bukit Panchor di sini.

"Saya yakin Kem Muhibah yang disertai para pelajar ini dapat meningkatkan *'soft skills'* (kemahiran insaniah) dalam kalangan mereka dan sekaligus meningkatkan kemahiran komunikasi serta keyakinan diri dalam pergaulan," ucapnya pada Majlis Penutupan Rasmi Kem Muhibah baru-baru ini.

Ketika ditemui, Mooi Lye percaya bahawa penganjuran berkaitan juga dapat memupuk nilai-nilai perpaduan dalam kalangan peserta berbilang bangsa dan kaum.

Difahamkan, Kem Muhibah bertemakan *'Forest for Fun'* tersebut menampilkan pelbagai aktiviti seperti masakan rimba, kemahiran untuk hidup, permainan hutan dan aktiviti malam di hutan.

# PROGRAM - PROGRAM EMAS

KERAJAAN NEGERI PAKATAN HARAPAN PULAU PINANG

**PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS**



**RM130 tahunan**

**PROGRAM BANTUAN OKU**



**RM130 tahunan**

**PROGRAM IBU TUNGGAL**



**RM100 tahunan**

**PROGRAM ANAK EMAS**



**RM200** *'one-off'*

**PROGRAM PELAJAR EMAS**



**RM100** *'one-off'*

**PROGRAM IBU EMAS**



**RM100 tahunan**

**SUMBANGAN PUKAT**



**2 kali setahun**

**INSENTIF PEMANDU TEKSI & OPERATOR BAS SEKOLAH**




**RM600 setahun**

**INSENTIF PENARIK BECA**



**RM100 sebulan**

**PENGURUSAN JENAZAH / KHAIRAT KEMATIAN WARGA EMAS & IBU TUNGGAL**

**RM1,000** *'one-off'*



**RM1,000** *'one-off'* **untuk pelajar IPT awam & swasta terpilih RM1,200 untuk pelajar IPT di Sabah & Sarawak**

**PELAJAR VOKASIONAL TEMPATAN terima RM300 secara** *'one-off'*

